

Jilid I
Bil. 53



Hari Selasa
18hb Januari, 1972

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 5995]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1972 (Pindaan kepada Jadual) [Ruangan 6030]

Jawatankuasa Perbekalan—

Kepala² B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 6030]

USUL:

Uchapan Penanggohan (Penjaja² Munisipal Kuala Lumpur—Masaalah) [Ruangan 6083]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 18hb Januari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

- Yang Berhormat TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER
(Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P., J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

- Yang Berhormat TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

WIDOWS' AND ORPHANS' PENSION SCHEME—BEKAS PENCHARUM²

1. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bekas pencharum² kepada "Widows' and Orphans' Pension Scheme" berasa sedih; dan jika ya, nyatakan sama ada Kerajaan ingin mengembalikan semua kutipan termasuk bunga, khas-nya kepada pencharum² yang sudah berumah-tangga.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya-lah pencharum² bujang dan juga (janda lelaki dan perempuan) yang tiada bertanggungan atau mempunyai minor children berkelayakan untuk menerima bayaran balek charuman² sa-telah mereka berhenti mencharum kepada sekim itu. Untuk membolehkan semua pencharum² atau contributors termasuk-lah juga pencharum² yang sudah berkahwin membuat pilihan untuk keluar daripada sekim itu, satu Rang Undang² untuk meminda Enakmen Widows' and Orphans' Pension bagi menggulong sekim Widows' and Pensions' telah pun di-bentangkan untuk Meshuarat Parlimen kali ini. Contributors yang memilih untuk keluar daripada sekim itu akan di-bayar balek contribution mereka berasaskan kepada perkiraan² akchuari.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penjelasan bahawa bunga, faedah yang akan di-beri untuk contributors ini, ada-kah bunga ini hanya 2½% sahaja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita terpaksa menunggu perkiraan daripada akchuari².

KRISIS PAKISTAN TIMOR DENGAN PAKISTAN BARAT

2. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan berchadang untuk menjadi orang tengah bagi menyelesaikan krisis di-antara Pakistan

Timor dengan Pakistan Barat dan krisis di-antara Kerajaan Pakistan dengan Kerajaan India mengikut dasar baharu Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, obviously the question is coming up quite late.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana apa yang di-katakan peperangan di-Benua Kechil India itu sekarang telah pun tamat, maka soal hendak menjadi orang tengah tidak lagi timbul.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, well, the war is over. Is the Government considering the recognition of Bangla Desh?

Perdana Menteri: Ini soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun menjawab dua hari dahulu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini tentang apa-kah pandangan Kerajaan di-atas kedudukan di-Pakistan. Ada-kah Malaysia chenderong supaya Pakistan itu di-chantumkan atau pun kedudukan-nya berada seperti biasa atau Malaysia memandang bahawa keadaan Pakistan itu baik berpechah seperti yang ada sekarang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ia-lah soal negeri² lain. Jadi saya fikir tidak-lah patut kita buat pandangan atau champor tangan dalam hal² ini. Perkara ini pun telah berlaku dan peperangan telah tamat dan Pakistan dahulu telah menjadi dua negara. Jadi tidak ada apa yang kita boleh buat lagi atas perkara ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu tidak-kah baik pada pandangan Kerajaan Malaysia bahawa kita meminta supaya Setiausaha Agong Secretariat Islam ia-itu Yang Teramat Mulia Tunku bekas Perdana Menteri untuk champor tangan di-atas hal Pakistan supaya perchantuman antara Pakistan Timor dengan Pakistan Barat itu dapat di-buat sa-mula memandang kepada kita ada-lah sa-buah negara Islam dan Pakistan ada-lah sa-buah negara Islam. Tambahan pula Secretariat Islam yang Setiausaha Agong-nya ada-lah bekas Perdana Menteri kita Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pada masa ini kita tidak nampak ada faedah bagi sa-siapa hendak champor tangan kerana ketua bagi dua² negara itu telah mengatakan yang mereka itu suka berada dalam keadaan yang sekarang ini, terutama sa-kali Perdana Menteri negara Bangla Desh telah berkata yang negara-nya tidak akan adakan apa² perhubungan dengan pehak Pakistan Barat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan lagi. Tidak-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa dalam satu dua hari ini kenyataan tolak ansor antara kedua² tokoh negara Pakistan itu ia-itu President Bhutto dan Perdana Menteri apa yang di-katakan Bangla Desh, Sheikh Mujibur Rahman. Ia telah menjabar supaya beliau di-beri kuasa untuk seluroh Pakistan dan Bhutto menjawab beliau sanggup menyerahkan Pakistan Barat untuk di-tadbirkan oleh Sheikh Mujibur Rahman. Tidak-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri fikir bahawa perkara ini sa-benar-nya maseh belum selesai lagi dan Malaysia boleh sa-kira-nya, dan baik dari segi sa-buah negara Islam untuk mengeluarkan fikiran dan champor tangan sadikit sa-banyak.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang ada sekarang ini adalah masa hangat dan api maseh menyala, kalau kita champor tangan harus kita terbakar. Saya fikir kalau Ahli Yang Berhormat suka hendak champor tangan tidak ada apa galangan atas hal ini.

LAWATAN KA-NEGERI CHINA— CHADANGAN

3. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan, memandangkan bahawa negeri China Komunis sekarang telah pun menjadi ahli dalam Bangsa² Bersatu sama ada beliau berchadang untuk membuat satu lawatan ka-negeri itu bagi menerangkan dasar baharu Kerajaan dan ada-kah di-jangka bahawa lawatan ini akan mengeratkan lagi hubungan di-antara kedua buah negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun People's Republic of China sekarang telah memenohi kerusi-nya di-Per-tubohan Badan Bangsa² Bersatu tetapi kita maseh belum ada hubungan diplomatik dengan-nya, oleh itu soal lawatan ka-negeri itu tidak-lah timbul.

Tuan T. S. Gabriel: (*Dengan izin*) Dato' Yang di-Pertua, we have communist threats at the East and West Malaysian borders as well as in some parts of West Malaysia. Did our Government make an attempt to approach Communist China to use their influence on the Malaysian Communist Party to lay down their arms?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya kata kita tidak ada diplomatic relation lagi dengan Komunis China, jadi kita tidak boleh hendak mengemukakan perkara² yang sa-macam ini.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, we have now trade relationship with China and is there any move by our Government to have immediate diplomatic relations with China?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan perkara ini kerap kali. Saya fikir chukup terang sudah.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Sir, the lack of a diplomatic relationship does not mean that a visit cannot be made, and we know that President Nixon is going to China and there is no diplomatic relationship between the United States and China. But in order to bringing about a closer relationship between the two countries, I ask whether the Honourable Prime Minister will consider relaxing travel by Malaysians to China?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan telah banyak memberi keterangan atas hal ini, saya tidak suka hendak tambah lagi. Saya fikir tidak payah di-tambah lagi keterangan atas hal ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam rombongan ping pong Malaysia baharu² ini ka-Peking telah di-sertai oleh Enche' Abdullah bin Zawawi ia-itu Ketua Penolong Setiausaha Hal Ehwat Tenggara Asia, betul-kah beliau ini sa-bagai utusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi merintis jalan mengadakan hubungan diplomatik dengan China Komunis.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pegawai ini hanya-lah pergi sa-bagai sa-orang ahli rombongan pasokan ping pong kita.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kerajaan menimbangkan bagi mempelawa pemimpin China melawat Malaysia sa-bagai tanda muhibbah?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan, kita tidak ada diplomatic relation, jadi tentu-lah perkara² yang sa-macam ini tidak boleh hendak di-urusk-an lagi.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, may I point out, Sir, that the United States also has no diplomatic ties with China and yet President Nixon is making a trip there some time next month. Similarly, would our Honourable Prime Minister follow suit—I mean, is there anything wrong with that?

Perdana Menteri: (*Dengan izin*) Sir, the Members of the DAP would be the last persons wanting us to follow the steps of the United States in foreign policy! (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Presiden Nixon melawat negeri China ia-itu dia sa-buah negara yang lebeh gagah kapada yang lebeh rendah sadikit, maka dari sudut diplomatic antara Malaysia dengan China, ada-kah negeri China meminta ter-lebeh dahulu kapada kita supaya adakan hubungan diplomatik dengan dia sa-bagai-mana yang di-buat oleh Amerika kapada negeri China.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan perkara ini, kita tidak ada diplomatik relation pada masa ini dan tidak ada urusan² yang sa-macam ini.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, earlier the Prime Minister said that because we have no diplomatic relations with the People's Republic of China, that is why he would not be able to visit China or to invite the leaders of China to come to this country. But, Sir, is it undiplomatic, is it wrong, to invite people to come to this country even though we do not have diplomatic relations with them? Is that wrong or undiplomatic?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak ada diplomatic relation macham mana kita hendak berhubung dengan chara rasmi dengan ketua² negara ini.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menimbangkan, yang telah sudah satu rombongan pasokan ping pong pergi melawat negara China Kominis, kemudian PERNAS, Dewan Perniagaan, jika sa-kira-nya Parti PAS memohon melawat ka-negeri China untok memperhatikan kedudukan orang² Islam negeri China, ada-kah boleh?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham sama ada hendak pergi terus-kah atau pun hendak balek sa-mula ka-mari (*Ketawa*).

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, kalau di-benarkan bukan kami hendak terus, ini negeri kami (*Ketawa*).

Membawa tajak pergi ka-humor,

Humor ada di-balek tanjong,

Di-mana bumi kami pijak,

Di-situ langit kami junjong (*Ketawa*).

Kami chuma hendak pergi melawat menengok saudara² kami orang² China yang beragama Islam ada lebeh kurang dalam beberapa juta di-negeri China sana, itu sahaja permohonan saya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hanya-lah boleh menimbangkan lawatan² ka-negara² yang kita tidak ada mempunyai hubungan diplomatik, jika ada sebab² yang tertentu untok kepentingan negara.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, Malaysia has taken the first step to make non-official ties with China by its trade missions. May I know from the Honourable Prime Minister what other non-official steps are in the offing to further strengthen the ties with China?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa² hendak tambah lagi, saya fikir sudah chukok terang dalam hal ini.

PENGGANAS² KOMINIS—SERANGAN

4. **Tuan Haji Ahmad bin Arshad** bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah:

(a) telah berlaku angkara kominis dan perbuatan jenayah pada Hari Kebangsaan Ke-14 di-dalam negeri atau di-kawasan perbatasan; dan

- (b) jumlah kejadian kanak² hilang dan jumlah kanak² di-lahirkan pada hari tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) chuma satu kejadian sahaja. Satu khemah kechil sementara Pasokan Keselamatan dalam hutan di-kawasan sempadan telah di-serang oleh pengganas² kominis mengakibatkan sa-orang daripada Pasokan Keselamatan kita telah terbunuh dan sa-orang chedera.
- (b) Tiada kanak² hilang dan 683 bayi di-lahirkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kanak² yang di-lahirkan waktu hari kebangsaan itu, adakah Kerajaan sedia menimbangkan supaya di-berikan chendera mata kepada kanak² itu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apa-kah kesimpulan-nya berhubung dengan kegiatan kominis pada masa yang lalu dan juga pada masa² yang akhir² ini di-negara kita?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Boleh-kah Timbalan Menteri memberi tahu kepada Dewan ini, sama ada semua kejadian² yang melibatkan Pasokan Keselamatan dan juga kominis di-laporkan dengan segera dan di-umumkan kepada awam dengan sa-penoh-nya, jika tidak kerana keselamatan, ada-kah kejadian ini semua di-laporkan dengan sa-penoh-nya kemudian.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

PENCHEN—BERMASTAUTIN DI-LUAR MALAYSIA

5. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pernah berlaku bahawa orang² yang telah bersara terutama sa-kali mereka² yang bermastautin di-luar Malaysia sa-telah mati

maseh lagi menerima penchen mereka dan apa-kah langkah² yang di-ambil untuk mengelakkan kejadian saperti itu.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang yang saya ketahui, tidak ada pembayaran di-buat kepada pesara² yang tinggal di-luar Malaysia yang telah meninggal dunia.

Apabila sa-orang pesara yang tinggal di-luar Malaysia meminta supaya penchen-nya di-bayar di-dalam negeri tempat ia tinggal, satu surat kuasa bersama² dengan gambar ukuran passport, chontoh tandatangan atau chap ibu jari pesara tersebut di-hantar kepada Pegawai Pembayar bagi Kerajaan yang berkenaan. Satu salinan surat kuasa ini juga di-hantar kepada pesara tersebut. Apabila bayaran hendak di-buat, pesara itu datang sendiri di-Pejabat Pembayar yang berkenaan dan sa-lepas pegawai pembayar puas hati bahawa orang itu ia-lah orang yang betul maka pegawai itu pun membayarkan dengan di-saksikan oleh sa-orang pegawai yang bertanggung-jawab.

Peratoran ini di-amalkan oleh Kerajaan² India, Pakistan, Ceylon dan lain².

KWSP—SUMBANGAN MENAMBAHKAN

6. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang supaya sumbangan KWSP ditambah dari 5 peratus menjadi 10 peratus.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, soal meninggikan kadar charuman kepada KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) ada-lah sentiasa di-kaji tetapi buat masa ini pehak Kerajaan tidak-lah mengambil apa² keputusan bagi meninggikan kadar charuman tersebut. Oleh beberapa sebab termasuk jangka umur yang bertambah panjang di-negeri ini maka mungkin ada kes untuk menyediakan jumlah simpanan yang lebeh besar kepada pekerja² sa-masa mereka bersara. Sa-balek-nya, pertimbangan mestilah juga di-buat ka-atas kesan meninggikan charuman KWSP yang mengurangkan guna tenaga serta bertambah-nya kos bagi pengeluaran dalam negeri, serta pengurangan gaji yang di-bawa balek ka-rumah (take home pay) bagi pekerja².

Dalam hubungan ini, perlu rasa-nya saya menarek perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja,

1969 dalam mana pekerja² yang menerima gaji tidak lebeh daripada \$500 sa-bulan akan di-lindungi oleh satu Sekim Keselamatan Sosial Bercharum bagi menyediakan penchen sa-masa tidak berdaya (invalidity pension) di-bawah Akta tersebut untok semua pekerja² di-Malaysia. Bagi lima buah bandar besar seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh dan Pulau Pinang, Sekim Kechederaan Masa Bekerja dan Tidak Berdaya akan di-mulakan dalam tahun 1972. Apabila sekim ini di-laksanakan, akan bertambah sadikit potongan gaji pekerja² di-sebabkan oleh kadar charuman untok sekim ini memerlukan tambahan sa-banyak satu sa-tengah peratus lebeh daripada gaji pekerja² yang berpendapatan tidak lebeh daripada \$500 sa-bulan. Charuman pehak majikan dalam sekim ini ada-lah kira² satu sa-tengah peratus daripada gaji bulanan pekerja².

Saya suka menyebutkan di-sini bahawa mengikut Sekshen 7 Ordinan KWSP, 1951 sa-saorang pencharum KWSP bebas dan boleh memilih untok membayar charuman yang lebeh daripada kadar berkanon jika sa-kira-nya ia ingin berbuat demikian.

PERSIDANGAN PARLIMEN KOMANWEL KE-17

7. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan ia-itu dalam Persidangan Parlimen Komanwel yang ke-17 yang berlangsung di-Kuala Lumpur baharu² ini:

- (a) mengapa Pembukaan Rasmi Persidangan yang tersebut itu tidak di-mulai dengan bacaan Do'a;
- (b) mengapa dalam lawatan sa-belum persidangan di-mulakan, para-wakil² tidak di-bawa melawat ka-Masjid Negara Kuala Lumpur sa-bagai lambang ke-Islaman Negara Malaysia; dan
- (c) boleh-kah Kerajaan memberi jaminan bahawa di-masa akan datang segala tetamu negara hendak-lah di-beri kesempatan melawat Masjid Negara termasuk Baginda Queen Elizabeth, dari Great Britain yang akan membuat lawatan rasmi ka-negara ini tidak berapa lama lagi.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Persatuan Parlimen Komanwel telah ujud beberapa tahun lama-nya dan perjalanan tiap² Persidangan ini termasuk Upachara Pembukaan Rasmi ada-lah di-tentukan bukan oleh Chawangan yang menjadi Tuan Rumah, tetapi oleh Jawatan-kuasa Kerja Majlis Agong Persatuan ini, dan dalam hal membuat keputusan ini, Jawatan-kuasa Kerja biasa-nya mengikut peratoran yang telah di-buat pada masa yang lalu.
- (b) Lawatan sa-belum Persidangan meliputi tempoh 4½ hari sahaja dan lawatan² ini telah di-ator sa-demikian rupa untok membolehkan para-wakil², pemerhati², pegawai² dan isteri² mereka, melawat sa-berapa banyak tempat yang menarek minat mereka dan berjumpa dengan sa-berapa ramai ra'ayat Malaysia yang boleh di-jumpa dari semua perengkat kehidupan. Oleh kerana ada lebeh daripada 200 orang para-wakil, pemerhati, pegawai dan isteri mereka, kami terpaksa menimbangkan kesulitan yang di-hadapi mengenai kenderaan dan tempat menginap. Dalam keadaan yang demikian itu, kami dapat membawa mereka ka-Klang, ka-Seremban, ka-Melaka dan ka-Pulau Pinang. Beberapa orang daripada mereka membuat lawatan sa-lepas Persidangan ka-Genting Highlands, ka-Kuala Trengganu dan ka-Kota Bharu. Oleh sebab masa pun sangat terhad, kami telah meninggalkan tempat² yang menarek minat di-Kuala Lumpur, termasuk Masjid Negara, kerana tempat² ini dengan mudah sahaja boleh di-lawati oleh ahli² perwakilan sendiri dalam tempoh Persidangan. Kami telah memberitahu para-wakil sakalian saterus-nya, dan ada-lah di-fahami bahawa sa-bilangan daripada mereka, termasuk isteri², telah melawat tempat² ini bersendirian.
- (c) Rancangan lawatan ini sedang di-ator oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar para-Perwakilan ini waktu melawat Melaka dan Pulau Pinang telah di-ator kan chara lawatan melawat kuil² dan juga rumah to' kong?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) The local tours outside Kuala Lumpur were arranged by the host Branch.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada-kah Yang Berhormat Menteri Kerawangan sedar bahawa ada sa-tengah² para-perwakilan itu khas-nya daripada perwakilan negara² Islam berasa tidak puas hati tentang tidak melawat Masjid Negara, atau masjid² yang penting, ada-kah perasaan tidak puas hati itu ada di-beri tahu kepada pegawai kita atau pun kepada Yang Berhormat Menteri sendiri.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I know, Sir, for certain that quite a number of non-Muslim visitors went by themselves to the Masjid Negara. We certainly told them about the sights which were worth seeing and we left it to them to choose.

DOUBLE TRACK RAILWAY— RANCHANGAN

8. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Menteri Perhubungan sama ada “double track railway” telah di-ranchangkan memandangkan bertambah-nya penduduk² dan ekonomi di-jangka berkembang dan juga dengan adanya ranchangan ini kenderaan sa-panjang jalan “highway” akan dapat di-atasi.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ada-lah di-fikirkan tidak perlu mengadakan sistem menduakan landasan keretapi di-seluruh rangkaian keretapi oleh kerana sistem yang ada sekarang maseh dapat memenohi perkembangan keperluan pengangkutan. Tetapi Pentadbiran ini akan mengadakan sistem menduakan landasan di-mana² tempat juga jika keadaan gerakan memerlukan kemudahan itu. Buat perengkat pertama Keretapi pada masa sekarang adalah menggunakan sistem menduakan landasan dari Kuala Lumpur ka-Simpang Salak Selatan. Tindakan ini telah dapat mengurangkan kesesakan gerakan keretapi di-kawasan ini dan juga telah mengurangkan berlaku-nya kelewatan perjalanan teren², atau keretapi². Sa-lain daripada itu Pentadbiran Keretapi mempunyai ranchangan untuk mengadakan sistem menduakan landasan dari Kuala Lumpur ka-Simpang Batu.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Kerajaan mengadakan perkhidmatan keretapi yang berseh dan pantas dari Klang Valley menghubungkan Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Batu Tiga, Klang dan Port Swettenham.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kita akan siasat dan yang sa-benar-nya saya telah berhubung dengan Menteri yang berkenaan, kita akan meshuarat macham mana boleh kita dapat mengurangkan kegunaan kereta² di-jalan raya yang sesak dan banyak kemalangan berlaku.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa ranchangan² hendak mengadakan double track dan sa-bagai-nya telah di-adakan untuk ranchangan masa akan datang bagi memajukan railway, ada-kah Yang Berhormat Menteri terfikir ada atau pun terniat dalam hati hendak membuat ranchangan supaya biar-lah tidak double track atau sa-bagai-nya, chuma adakan sahaja keretapi di-Trengganu supaya orang² Trengganu dapat naik keretapi itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ranchangan hendak menghubungkan keretapi Trengganu sudah lama, tetapi oleh kerana ranchangan² yang lain yang lebeh ekonomik, yang lebeh lagi utama, maka kita tidak lagi abandon, kita sedang siasat lagi.

Tuan Yeoh Teck Chye: (*Dengan izin*) Can the Honourable Minister tell us whether there is any plan to improve the communication system, especially the railway connection between Petaling Jaya and Kuala Lumpur, or is there any truth that there is going to be a monorail system running between these two towns?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kita akan timbangkan, monorail mahal harga-nya, kalau buat pun barangkali 5 tahun baharu jadi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sambongan bagi soalan saya tadi. Saya minta jaminan sedikit daripada Yang Berhormat, boleh-kah Menteri menjamin dalam Dewan ini bila kami orang² di-Trengganu dapat rasa naik keretapi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah jawab, sabar-lah dahulu.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Sa-jauh mana-kah kesabaran itu boleh di-nanti, sebab orang² Pahang kasehan sangat dengan orang² Trengganu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan timbangkan bersama² dengan pehak Trengganu supaya lekas dapat di-chantumkan.

LESEN² TEKSI—MENGELUARKAN

9. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau akan menimbang mengeluarkan lesen² teksi kepada pemandu² teksi haram.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perhubungan akan menimbangkan semua permohonan lesen² teksi/kereta sewa jika ada kekosongan pengkalan lesen² teksi/kereta sewa di-Malaysia Barat sama ada pemohon² itu terdiri daripada pemandu² teksi haram atau pun bukan. Tetapi tidak-lah menjadi satu keutamaan jika pemohon itu bekerja sebagai pemandu teksi haram.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedang mengkaji satu usaha mengadakan lesen² teksi yang baharu di-seluruh Malaysia ini dan menempatkan di-mana tempat yang sesuai supaya di-adakan lesen teksi itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat dan periksa perkara chadangan yang baharu ini.

Tuan R. C. M. Rayan: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister consider taking immediate steps to cause more internal taxi licences to be issued in Ipoh to ease the present long queues of people waiting for hours at the bus stops, particularly after the police had rounded up most of the pirate taxi operators last week?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I will visit Ipoh. I will call up all the bus operators and all owners of existing taxis; and if there is not enough transportation, we will be prepared to consider the creation of another bus service if necessary. Will you give your support when I go to Ipoh?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana-kah chara pehak Kerajaan

mengeluarkan lesen teksi kerana sa-tahu saya masa² yang lalu banyak lesen² teksi di-keluarkan dengan chara hendak-lah beberapa orang itu membuat kongsi dan antara lain itu termasuk tokoh² UMNO atau MCA tempatan, kalau tidak, tidak dapat, walau pun dia-nya bekas pemandu teksi haram atau pun bekas Pasokan Keselamatan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dungun ini patut ia ucapkan terima kaseh, orang PAS di-Dungun itu pun dua tiga orang telah dapat, jangan-lah di-nafikan. Yang sa-benar-nya kelayakan² yang perlu di-timbangkan ia-lah pemohon hendak-lah tinggal di-pengkalan itu—ada tempat yang di-tentukan pengkalan itu. Kedua, bekas Pasokan Keselamatan, patut benar kita mesti menolong mereka itu kerana mereka telah berjasa. Ketiga, mempunyai pengalaman dalam perusahaan teksi atau kereta sewa dan mempunyai lesen² pemandu atau lesen perkhidmatan awam. Yang keempat, pemohon hendak-lah belum mempunyai teksi, atau kereta sewa sa-chara persendirian. Kalau dia sudah ada sa-buah, dia hendak minta lagi, tidak boleh, lain orang banyak lagi belum dapat. Kelima, mempunyai kebolehan kewangan, kalau tidak, hari ini keluar, besok jadi Ali Baba, itu kita akan potong, kalau ada keterangan penoh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa di-Dungun banyak teksi² di-keluarkan bukan kepada orang PAS tetapi bukan kepada orang yang lain² parti bahkan kebanyakan-nya champor salah satu diantara UMNO—orang UMNO-kah, MCA-kah atau MIC-kah.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, pehak Pembangkang selalu menudoh pehak pemerintah menggunakan pilih kaseh. Majlis Pelesen tidak menengok PAS-kah, UMNO-kah, tetapi kelayakan dan segala²-nya ini yang di-timbangkan. Sebab itu tidak boleh di-nafikan—orang PAS, orang MCA, orang UMNO siapa² sahaja, kita bukan soal untuk orang parti, orang yang memohon.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-terangkan oleh Menteri Perhubungan itu dasar Kerajaan memberikan lesen teksi itu memang betul dan memang saya faham, tetapi saya tidak puas hati di-selingkan oleh Jawatan-kuasa Pemilih itu,

ada-kah Menteri Perhubungan itu sedar. Di-tempat saya sendiri ada teks, pemohon teks daripada bekas Pasokan Keselamatan, tetapi di-berikan kepada orang kuat parti, kemudian bukan-nya teks itu terletak di-situ, tetapi 10 batu daripada tempat yang dia minta; kalau hendak saya ada nombor-nya dalam fail saya, lepas ini nanti saya boleh beri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tolong-lah beri nombor itu. Saya sedar tiap² Ahli Majlis Pelesen di-beri arahan, kalau mereka tidak puas hati, bagaimana sahabat Yang Berhormat itu, ia boleh ulang-bicara dalam tempoh 10 hari, kalau lepas 10 hari, dia tidak boleh merayu kepada Menteri. Ada tempat mengadu hal, Menteri ada.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal ini benar orang itu ta' puas hati dan dia telah melaporkan kepada Kementerian Pengangkutan, kemudian di-balas oleh Kementerian Pengangkutan dan soal itu di-tolak dan surat itu tidak ada pun chap mohor.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan-nya?

Tuan Hashim bin Gera: Kemudian adakah perkara ini di-ketahui oleh Menteri Pengangkutan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Beri nombor kereta, Tuan Yang di-Pertua, supaya saya akan ambil siasatan. Kalau tidak ambil lesen itu, kita potong.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sanggup untuk memberi sa-mula kepada pemohon² teks yang bukan daripada golongan yang saya sebutkan tadi sedangkan permohonan² itu di-tolak pada masa yang lalu dan adakah jaminan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk di-luluskan sa-mula sa-kira-nya di-buat permohonan sa-mula.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini soal lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini fasal pirate teks ini daripada parti pula.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal-nya saya dapat-lah. Sekarang bukan parti, saya minta

supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini boleh-kah tidak pemohon² yang telah gagal untuk mendapat teks itu di-luluskan sa-mula permohonan-nya sa-kira-nya dia minta masa sekarang atau pun masa akan datang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini hendak minta saya mengaku. Bagi sedekah-kah ini. Soal-nya tiap² sa-orang pemohon yang gagal, sa-kira-nya ada peruntukan di-siar dalam surat² khabar, ia boleh memohon, lagi dia akan di-timbang balek. Bukan main bagi² macham bagi duit sedekah ini.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Ada-kah Menteri sedar bahawa keadaan teks di-Kuala Lumpur umpama-nya lambat-nya macham kereta lembu Benggali, pintu-nya macham basikal Keling, nekmatnya macham ganja Arab. Ada-kah Yang Berhormat Menteri berchadang hendak memberi lesen teks pada masa akan datang ini terutama di-bandar Kuala Lumpur, Ipoh atau Pulau Pinang, teks yang berhawa dingin, Mercedes dan sa-bagai-nya. Ini kadang², Tuan Yang di-Pertua, hendak buka pintu pun ta' boleh, buka dari luar.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah jawab semalam. Saya telah pun arahkan kepada Ketua Pengarah Pengangkutan jalan memberi perintah kepada semua Pendaftar² di-Negeri² bukan sahaja di-Kuala Lumpur supaya menyasat teks² dan kereta sewa yang di-cheritakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lipis, kita akan ambil tindakan. Kita pereksa tiap² enam bulan, kalau kereta² itu tidak menepati segala keadaan, yang di-kehendaki dia tidak boleh di-luluskan.

Tuan Hor Cheok Foon: (*Dengan izin*) Is the Minister aware of the fact that most of the taxi drivers do not own their taxis and their income has been exploited and at the same time those pirate taxi drivers who own taxis do not have licences?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (*Dengan izin*) If he expects that every applicant be given a taxi licence, there will be 10,000 taxis in Kuala Lumpur, and how can they live.

Tuan Hor Cheok Foon: Then, would the Minister assure the House that since the majority of taxi drivers around town do not

own taxis, when will the Government implement a plan for taxi drivers to own their own taxis.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya telah perentahkan akan berhubung dengan Kerajaan Negeri masing² supaya mereka mengatorkan tempat² yang maseh lagi berkehendakkan tambahan teksi atau kereta sewa, kita akan timbangkan dan akan peruntokan di-sana.

Tuan R. C. M. Rayan: (*Dengan izin*) As buses go only along defined routes, will the Minister also consider giving more licences to applicants for internal taxis along with increasing the number of buses?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: I will look into that matter, Sir. That is a different question, and I have not got all the figures in my mind here.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini sedar bahawa sungutan pemandu² teksi, masyarakat Malaysia ini ada dua macham. Satu dalam bandar, satu luar bandar. Pemandu² teksi luar bandar sekarang keadaan penumpang²-nya sangat meleset. Jadi dengan itu ada-kah Kerajaan berchadang supaya lesen teksi itu di-buat dua bahagian. Satu bahagian dalam bandar, satu bahagian luar bandar itu—itu kurang pembayaran-nya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan timbang. Ini perkara yang susah, kerana teksi luar bandar dalam bandar dia pusing keliling Malaysia Barat.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Bungsu: Ada-kah Menteri yang berkenaan mengetahui sa-tengah daripada drebar² teksi itu membawa penumpang yang datang daripada negeri lain. Mereka berkehendakkan mithal-nya akan pergi ka-Hotel Tong Hua, tetapi drebar teksi itu membawa berpusing² jalan-nya panjang² jalan-nya supaya kereta itu naik sewa-nya. Itu pernah berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya ada-kah Menteri yang berkenaan sedar keadaan yang sa-macham ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya bertanya saudara Yang Berhormat dari Sarawak ada-kah yang buat bagitu tolong beritahu nombor-nya. Kalau di-Kuala Lumpur kita akan ambil tindakan. Kalau penting dan perlu kita akan potong lesen-nya.

Tuan Edwin anak Tangkun: (*Dengan izin*) In connection with the taxi licences, will the Honourable Minister tell us in this House the number of taxi licences issued to the natives in Sarawak after the General Elections?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya hendak tanya ada-kah di-Sarawak, kalau di-Sarawak saya tidak dapat hendak jawab, kerana Sarawak belum 10 tahun maseh di-jalankan sistem dalam negeri Sarawak sendiri. Saya boleh beri nasihat sahaja.

BARANG²—KENAIKAN HARGA

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan ada-kah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan barang² telah naik harga-nya dan kenapa terjadi demikian.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Kerajaan adalah sedar tentang kenaikan harga sa-tengah² barang. Kebanyakan daripada barang² yang telah naik harga-nya ada-lah barang² yang di-impot dan juga barang² buatan tempatan yang menggunakan dengan banyak-nya bahan² mentah yang di-impot, saperti gula, susu, mentega, keju dan sa-bagai-nya. Kenaikan harga ini ada-lah di-sebabkan oleh keadaan pasaran dunia dan juga kenaikan harga kos pembuatan di-negeri² asal dari mana barang² itu di-impot. Berkaitan dengan barang² tempatan saperti ikan, ikan kering, gula merah, telor dan sa-bagai-nya kenaikan dan kejatohan harga barang² ini ada-lah bergantung kepada keadaan bekalan dan kehendak pasaran yang bermusim, mithal-nya, gula merah dan telor ada-lah digunakan semasa bulan puasa dan Hari Raya dan sama ada harga barang² ini naik adalah bergantung kepada kebolehan keluaran tempatan membekalkan dengan sa-penoh-nya keperluan tempatan dalam masa tersebut.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bagaimana-kah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan tahu tentang kenaikan harga barang² ini ada-kah kenaikan harga itu membetuli dengan harga tetap atau pun list price yang ada pada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dengan yang di-jual di-pasar² biasa.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tentang harga² pasaran barang² itu, kita boleh dapat mengetahui daripada radio yang selalu menyiarkan harga² pasaran, harga² ikan, sayor²

dan sa-bagai-nya. Dan itu ada-lah menjadi satu panduan bagi kita untuk mengetahui berkenaan dengan harga pasaran, ada-kah harga itu naik atau jatuh.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the price of milk powder has gone up by 15 cents a pound. In view of the importance of milk as a supply of proteins for our babies, infants and school children, because of its very important element to build up the nation's youths, will the Minister therefore do his best to consult the manufacturers of all kinds of milk powder to absorb this rise in price and not pass it on to the consumer and also will the Minister consider the possibility of subsidising this milk powder so that it can be made available at cheaper rates to the consumer?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Tuan Speaker, as you know, powdered milk requires butter fat as one of the important ingredients and as I have told this House the price of butter fat has gone up about triple in price. This is not only peculiar to Malaysia, but it is a worldwide phenomenon and this is due to various reasons. It is because of this that the local manufacturers were forced to raise the price of the powdered milk.

With regard to the second question by the Honourable Member—the question of whether there is the possibility of the Government subsidising—I think this is a matter which the Government will have to consider very carefully because once you start subsidising there will be no end to it.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan membuat satu usaha supaya harga² barang, khas-nya barang² keperluan yang tidak dapat tidak, tidak di-naikkan, apa-tah lagi barang² itu yang di-keluarkan oleh pengeluar² tempatan?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali mengatakan ia-itu kalau barang² itu barang² 100% barang² tempatan boleh saya memberi pengakuan tentang hal itu atau pun jaminan tentang hal itu, tetapi kalau barang² itu, sungguh pun di-buat di-sini, tetapi bahan² mentah-nya itu bergantung kepada impot daripada luar negeri, tidak dapat saya memberi jaminan melainkan kalau-lah

kilang² itu hendak menaikkan harga, mereka itu terpaksa menunjukkan bukti² yang nyata, yang terang apa-kah sebab-nya yang mereka itu hendak naikkan harga barang² itu dan apa-kah sebab-nya kenaikan yang di-kehendaki itu sa-banyak mana yang di-pinta oleh kilang itu. Jadi, kita memeriksa hal ini dan kalau-lah barang itu barang keperluan, kita mengambil masa yang lebeh untuk memeriksa dengan lebeh teliti lagi.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, the Consumers Associations in this country are doing an excellent job in keeping check of the prices of goods. In view of that, Sir, has the Ministry considered subsidising the workings of these Consumers Associations in order to encourage them to continue with their very useful role in keeping check of the prices of goods?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Tuan Speaker, we have not been subsidising these Consumers Associations, but we have given them, in the case of the Selangor Consumers Association and also the Penang Consumers Association, launching grants in order to enable them to launch their respective associations. But, I do not think that it is a sound policy for the Government to subsidise such associations because we want them to be independent of Government support so that they can criticise the Government if they want to and they can take any action they think fit independent of whatever view the Government may hold.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Can the Honourable Minister tell the House whether there has been an application by the sugar manufacturers for permission to increase the price of sugar, and if so, what is the Ministry doing about this and whether he can give an assurance to the House and to the nation that the Ministry will not permit any increase in the price of sugar?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, I have given a very, very firm statement on this matter. I do not think I need repeat it again.

Tuan Tan Cheng Bee: (*Dengan izin*) Will the Minister of Trade and Industry cause enquiries to be made of a very strong rumour that the wholesalers in Butterworth are hoarding sugar to the extent of over 60,000 bags in the godowns in Jalan Raja Uda in Butterworth.

Tuan Mohamed Khir Johari: Well, we will certainly pay a surprise visit to these so-called godowns in Jalan Raja Uda and I am going to arm myself with extra powers in the next few days and I can promise the Honourable Member that nothing will be spared in order that whoever is the culprit will be brought to book.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, barang² telah naik harga-nya dan kenapa terjadi demikian? Barang² yang datang daripada luar negeri naik harga-nya, tetapi barang² yang di-keluarkan daripada negeri kita seperti getah, bijeh timah dan kelapa sawit, segala bahan² yang di-keluarkan oleh negeri kita, semua-nya ta' laku, atau pun rendah harga-nya. Apa-kah sebab-nya bagitu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ini susah saya hendak jawab. Bukan sahaja negeri kita, kata-lah hasil getah-nya, atau pun bijeh timah, atau pun harga koko dan sa-bagai-nya, kalau barang² ini jatuh apa boleh buat, kerana sebab keadaan dunia, keadaan pasaran dunia yang membawa keadaan itu berlaku. Jadi, kita berharap apabila kita sampai kepada satu tingkat di-mana dapat kita mengeluarkan barang² kita sendiri dengan tidak payah bergantung untuk mendapatkan bahan² mentah daripada luar negeri, pada masa itu dapat-lah kita mengawal barang² kita sendiri. Kita lihat mithal-nya harga gula, harga gula sudah naik. Saya telah memberi dalam jawapan saya semalam dengan terang saya membandingkan harga gula di-Malaysia dengan harga gula, mithal-nya di-Filipina dan juga di-negeri Thai. Di-negeri Filipina pada hari ini harga gula ia-lah 36 sen satu kati. Di-negeri Thai—sa-banyak 30 sen sa-kati. Mereka itu sungguh pun harga gula mentah naik di-dalam pasaran dunia, tetapi kedua² buah negeri itu dapat mempertahankan harga gula di-negeri masing²—harga gula refined, harga gula puteh di-negeri masing² dengan sebab mereka itu mengeluarkan tebu-nya sendiri, gula-nya sendiri. Jadi, kita ini bergantung kepada luar negeri. Satu masa, barangkali dalam enam tujuh tahun lagi, kita harap kita dapat mengeluarkan tebu yang chukop, pada masa itu, kalau naik harga gula di-pasaran dunia pun, kita dapat mengawal harga gula di-dalam negeri kita.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, just now the Minister of Trade and Industry agreed that the Consumers Associations are

doing a good job in this country and it was important that they remain as an independent critic of the Government, if necessary. Sir, I commend that very much. Now, the Consumers Associations have recently criticised very strongly the imposition of the 5% Sales Tax. They fear that this will raise the cost of living of this country. Now, that being the case, would the Ministry and the Minister of Finance also consider modifying this 5% Sales Tax?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Sir, I thought that the M.P.s are higher than the Consumers Associations. So, if we do not listen to M.P.s I do not think we should listen to Consumers Associations—I mean, especially the Opposition.

Tuan T. S. Gabriel: (*Dengan izin*) Could the Honourable Minister inform the House that so far how many wholesalers or retailers have been brought to trial or whose licences have been cancelled for making unauthorised price increases of essential commodities?

Tuan Mohamed Khir Johari: I will come to this when I answer the next question.

Tuan Hor Cheok Foon: (*Dengan izin*) Would the Minister concerned tell the House—just now he was reluctant to disclose any possibility of the sugar price increases—is it a fact that there is a negotiation now going on between the sugar manufacturers and the Ministry?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, as I said, I think I have replied to this twice already. We have carried out a review of the sugar prices and this review is done every quarterly. So, when we do the review, we naturally take into consideration the market conditions and we also consult the various refineries or the sugar producers in this country.

HARGA BARANG²—UNDANG² MELARANG KENAIKAN

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sa-jauh mana-kah kejayaan melaksanakan Undang² melarang kenaikan dan meletak harga barang².

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, Sekshen 13 Ordinan Kawalan Harga, 1946 mengkehendaki pekedai² runchit mempamirkan tanda² atau label²

harga di-barang² jualan mereka. Barang² yang terlibat dengan atoran ini berjumlah 54 jenis kesemua-nya yang mana telah diwartakan di-dalam *Warta* Kerajaan. Pegawai² dari Kementerian saya dengan kerjasama pegawai² dari Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) sentiasa menjalankan pemereksaan bukan sahaja di-Malaysia Barat bahkan juga di-Malaysia Timor, dan sa-takat ini 30 orang pekedai² telah di-berkas dalam masa satu sa-tengah bulan yang lalu dan 5 daripada-nya yang telah di-hadapkan di-Mahkamah telah di-kenakan denda sa-banyak \$150 hingga \$1,000. Penguat-kuasa undang² tersebut memberi pengguna² peluang bukan sahaja untuk membuat perbandingan harga dan membeli barang² keperluan daripada kedai² yang menjual-nya dengan lebeh murah tetapi juga di-antara barang² ganti (substitutes) yang lebeh murah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan sedar bahawa sa-telah Kerajaan meminta peniaga² meletakkan harga barang² mereka, banyak di-antara mereka yang meletakkan harga barang-nya lebeh tinggi daripada harga yang sa-patut-nya, kalau orang pergi membeli-nya orang yang tertentu, maka di-turunkan chukup banyak, tetapi kalau orang biasa, maka harga barang-nya di-naikkan. Dengan keadaan bagini dan apakala sa-sa-orang pembeli itu bertanya, kenapa harga barang bagini mahal, tanya-lah Kerajaan, jawab peniaga² itu. Kerajaan-lah yang menetapkan, awak ta' boleh tanya saya. Ada-kah Menteri itu tahu dan mengambil tindakan sa-lanjut-nya.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ya, memang berlaku hal ini, tetapi bagaimana saya terangkan dalam jawapan saya yang asal tadi, tujuan kita meminta atau pun menghendaki penjual² atau pun pekedai² mengadakan price tag itu ia-lah supaya dapat kita bandingkan harga di-kedai ini dengan harga di-kedai lain. Jadi kita boleh pilih, mana kedai yang baik, yang saya katakan menjual dengan harga yang berpatutan, patut-lah kita semua membeli daripada kedai itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 12 hingga 27 ada-lah di-beri di-bawah ini.)

BARANG² BUATAN MALAYSIA— ANCHAMAN

12. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan ada-kah beliau sedar bahawa dengan mengimpot barang² buatan China dengan bebas dan yang di-ketahui memang murah harga-nya, akan mengancam barang² yang di-perbuat di-Malaysia mendapat pasaran di-dalam negeri dan tidakkah ini akan melemahkan semangat penanam² modal luar untuk menanam modal di-negeri ini, dan jika ya, apa-kah tindakan yang Kerajaan akan ambil untuk membetulkan keadaan ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ada-lah sentiasa mengawasi pengimpotan barang² bukan sahaja dari Negeri China tetapi juga dari semua² negeri pun, supaya perusahaan tempatan tidak akan terancam oleh kerana persaingan yang tidak sa-imbang daripada barang² yang di-impot. Kerajaan ada-lah melaksanakan langkah² perlindungan yang berkesan untuk kepentingan perusahaan tempatan seperti mengenakan chukai perlindungan atau protective tariff dan kawalan impot. Selain dari itu, kuatkuasa untuk mencegah kemasokan barang² dengan harga murah yang akan mengancam perusahaan tempatan boleh juga di-gunakan mengikut Rang Undang² Anti-Dumping.

(Dengan izin) The Ministry of Commerce and Industry is always keeping a close vigilance on importation of goods not only from China but also from other countries in order to ensure that the local industries are not faced with unfair competition from the importation of unduly cheap goods. The measures applied by the Government to protect local industries are in the form of tariff protection and import control. Apart from these, there is also adequate provision for the protection of local industries in cases of dumping in the Anti-Dumping Act.

PERATUS PENGANGGORAN

13. Tuan V. David minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan jumlah orang² yang telah di-berikan pekerjaan di-bawah Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua di-mulakan dan peratus penganggoran yang berkurangan di-bawah Rancangan ini.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Sejak pelancaran Rancangan Malaysia Kedua pada awal tahun 1971, kesan sa-penoh-nya terhadap Rancangan ini maseh belum di-rasaï. Oleh yang demikian, ada-lah tidak adil untuk menchuba menilaikan bilangan kerja yang telah di-adakan pada peringkat ini. Saya suka meminta Ahli Yang Berhormat itu supaya menunggu kajian pertengahan penggal manakala lebeh banyak lagi butir² lanjut telah di-buat.

Walau bagaimana pun, tujuan Rancangan Malaysia Kedua ia-lah untuk mengadakan sa-banyak 120,000 pekerjaan sa-tahun mengikut hetong panjang dan Kerajaan berazam untuk menentukan agar matlamat ini terchapai. Pada permulaan Rancangan ini, kadar penganggoran ia-lah 7.3% dari tenaga kerja. Perlu di-ingatkan bahawa tenaga kerja akan bertambah dengan kadar 3.2% sa-tahun dan tujuan mengadakan hampir² sa-banyak 600,000 pekerjaan dalam masa 5 tahun dalam Rancangan tersebut, akan mengakibatkan memperolehi kadar penganggoran sa-banyak 7.3% tanpa kemundoran sa-lanjut-nya.

(Dengan izin): Since the Second Malaysia Plan was launched at the beginning of 1971 the full impact of the Plan has not been felt yet. It is, therefore, not fair to attempt an assessment of the number of jobs that have been created at this stage. I would like to ask the Honourable Member to wait for the mid-term review when a more detailed assessment has been made.

The aim of the Second Malaysia Plan, however, is to create an average of 120,000 jobs per year and Government is determined to ensure that this target is achieved. At the commencement of the Plan the rate of employment stood at 7.3% of the labour force. Bearing in mind that the labour force will grow at the rate of 3.2% annually, this objective of creating nearly 600,000 jobs during the 5 years of the Plan will result in containing the unemployment rate at 7.3% without further deteriorating.

PEMANDU² TEKSI

14. Tuan V. David minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau berchadang mengambil tindakan untuk menyelamatkan pemandu² teksi dari

di-gunakan oleh tuan² punya teksi untuk kepentingan diri sendiri dengan chara mengeneipikan faedah² pekerjaan yang telah disediakan di-bawah Undang² Pekerjaan bagi pemandu² itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Semua pekerja² yang bekerja dengan mempunyai kontrak perkhidmatan yang termasuk di-dalam sekop Ordinan Kerja ada-lah berhak mendapat faedah² yang terdapat di-bawah Ordinan itu. Pegawai² dari Kementerian saya menjalankan pemereksaan biasa dan pemereksaan khas di-tempat² pekerjaan, termasuk Sharikat² teksi bagi menentukan bahawa majikan mematohi undang². Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai sa-barang aduan terhadap Sharikat teksi yang tertentu, harap beliau dapat memberi maklumat yang sa-penoh-nya dan saya akan menyiasat perkara itu.

(Dengan izin) All workers employed on a contract of service who come within the scope of the Employment Ordinance are entitled to the benefits laid down under the Ordinance. Officers of the Ministry of Labour and Manpower carry out routine and special inspections of workplaces including taxi companies to ensure that employers comply with the law. If the Honourable Member has any complaint against any particular company, would he please let me have full information and I shall look into it.

JAMBATAN KAYU SEMENTARA

15. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan mengapa-kah hingga ini jambatan kayu sementara di-Jalan Klang Lama dan di-Jalan Raya Kuala Lumpur-Seremban belum lagi di-ganti dengan jambatan² kekal.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Jalan Klang Lama ada-lah jalan negeri. Walau bagaimana pun, rekabentok bagi menggantikan jambatan kayu telah pun di-sediakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Jambatan No. 24/1 di-Berang yang mana telah rosak akibat banjir di-awal tahun ini sedang di-bena semula dan di-jangka akan siap pada pertengahan tahun 1972.

(*Dengan izin*) The old Klang Road is a State road. However, design for the replacement of the timber bridge has just been completed by the Public Works Department Headquarters.

Bridge No. 24/1 at Berang which was damaged by floods early that year is now being reconstructed and is expected to be completed by mid-1972.

DUAL CARRIAGEWAY—CHADANGAN

16. **Dr Chen Man Hin** bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Tenaga adakah kemungkinan mempercepatkan pelaksanaan chadangan mengadakan "dual carriageway" di-antara Kuala Lumpur dan Seremban dan sa-terus-nya ka-Port Dickson kerana Port Dickson menghantar berat² kereta gasoline tiap² hari ka-merata² tempat dalam negeri ini.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kajian Kemungkinan untuk mengubah sa-mula jalan raya di-antara Kuala Lumpur/Seremban telah siap dan projek ini di-dapati meng-untungkan dari segi ekonomi. Rundingan² sedang di-jalankan dengan perunding² untuk kerja² kejuruteraan yang akan menjadi pe-angkat pertama dalam pelaksanaan projek tersebut.

Rekabentuk ada-lah di-jangka siap sa-belum akhir tahun 1972. Sementara itu, pengambilan balek tanah akan di-jalankan. Ada-lah di-harap penawaran konterek bagi pembenaan baru dapat di-buat awal 1973 dan menyiapkan pembenaan itu pada akhir 1975.

Rekabentuk bagi membaiki lagi akan siap pada akhir, 1972. Walau bagaimana pun, bagi beberapa bahagian tertentu konterek untuk meninggikan mutu jalan itu akan di-tawarkan mulai dari pertengahan 1972.

Jumlah kenderaan² pada masa sekarang tidak memerlukan jalan dua jalor di-lanjut-kan hingga ka-Port Dickson.

Jumlah perbelanjaan projek ini di-anggar-kan \$50 juta.

(*Dengan izin*) The feasibility study for the complete relocation of the road between Kuala Lumpur/Seremban has been completed and the project is found to be economically viable. Negotiations are in hand

with consultants for the detailed engineering which is the first stage in the implementation of the project.

Designs are expected to be completed before the end of 1972. Concurrently, acquisition of land will be undertaken. It is hoped to award contract for new constructions in early 1973 and to complete construction in the later part of 1975.

Design for the improvement will be completed by the end of 1972. However, for certain sections contract for the upgrading will be let out from the middle of 1972.

Total cost of project is estimated to be \$50 million.

The volume of traffic at the moment does not justify extending the dual-carriageway to Port Dickson.

PEMBEDAHAN MANGSA² KE- MALANGAN JALAN RAYA

17. **Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa pembedahan ka-atas mangsa² kemalangan jalan raya tidak di-lakukan pada waktu malam itu juga dan terpaksa menunggu sa-hingga besok-nya, oleh yang demikian perkebumian mayat² ini tiada dapat di-segerakan, yang mana tidak sesuai dengan ajaran Islam. Apa-kah satu chara lain dapat di-pertimbangkan oleh Kerajaan supaya ke-lewatan ini dapat di-atasi.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Ada-lah satu amalan yang di-terima umum bahawa pembedahan sa-berapa yang boleh di-jalankan dengan sinaran semula-jadi supaya perawakan² dan keputusan² di-bawah sinaran semula-jadi itu dapat di-perhatikan dan di-chatitkan. Ada arahan² daripada Kementerian ini kepada semua hospital² mengarahkan bahawa pembedahan hendak-lah di-jalankan sa-chepat yang boleh dan sa-berapa yang boleh memberi sedikit kerumitan sahaja kepada saudaramara yang berkenaan. Arahan² saperti itu telah pun dan akan di-ulang lagi. Ada-lah hanya di-dalam keadaan yang luar biasa dan kes² yang di-kechualikan sahaja maka pembedahan di-lakukan pada waktu malam.

(*Dengan izin*) It is a generally accepted practice that post-mortem examinations should as far as possible be carried out under

natural daylight conditions so that the natural daylight post-mortem appearances and findings can be observed and recorded. There had been instructions from this Ministry to all hospitals instructing that post-mortem examinations should be carried out as soon as possible and with as little inconvenience as possible to the relatives concerned. Such instructions have and will be repeated. It is only in very rare and exceptional cases that post-mortem examinations would have to be carried out at night.

HOSPITAL PULAU PINANG— PEMBENAAN

18. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementeriaannya akan membena sa-buah lagi hospital di-Pulau Pinang, kerana Hospital Besar yang ada sekarang terlalu sebok dengan pesakit² serta kekurangan katil untuk menemui kehendak² pesakit.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kementerian Kesihatan akan memperbaiki dan meluaskan Hospital Besar, Pulau Pinang di-Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Peruntukan telah di-buat di-bawah Belanjawan Pembangunan bagi Hospital Besar, Pulau Pinang ia-itu sa-banyak \$5,268,500 dan dengan projek² saperti berikut yang akan di-laksanakan kesesakkan akan di-atasi:

1. Bangunan Wad² Baru dan Jabatan Pesakit Luar.
2. Menghawa dinginkan Bilek Pakar².
3. Peluasan dan Pembaruan kepada Wad² Perubatan dan Pembedahan.
4. Tambahan² dan Pembaruan kepada Wad² Paediatrik.
5. Penchuchi Kain Baru.
6. Pusat Kechil membuat Anggota² Tiruan.
7. Tambahan dan Pembaruan kepada Rumah² Mayat.
8. Memperbaiki perkhidmatan psychiatric.
9. Memperbaiki Wad² dan Klinik² Tibi.
10. Memperbaiki Jabatan Bersalin.

Shor ada di-buat bagi Hospital Baru di-tanah besar yang mana "token vote" sa-banyak \$10 telah di-buat. Walau bagaimana pun shor ini sedang dalam kajian.

(Dengan izin) This Ministry of Health will improve and expand the General Hospital, Penang in the Second Malaysia Plan. The

provision made under the Development Estimates for the General Hospital, Penang, is \$5,268,500 with which the following projects will be implemented and the congestion will be relieved:

1. New Ward Blocks and Outpatient Department.
2. Air-Conditioning of Specialists Rooms.
3. Extensions and Alterations to Medical and Surgical Wards.
4. Additions and Alterations to Paediatric Wards.
5. New Laundry.
6. Artificial Limb Subcentre.
7. Additions and Alterations to Mortuary.
8. Improvements to Psychiatric Services.
9. Improvements to T.B. Wards and Clinic.
10. Improvements to Maternity Department.

There is a proposal for a new hospital on the mainland for which a token vote of \$10 has been made. This proposal, however, is still under study.

LAYANAN² KASAR KAKI-TANGAN² HOSPITAL

19. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kesihatan menyatakan ikhtiar² yang telah di-buat untuk mengurangkan sugutan² orang ramai terhadap layanan² kasar dan sikap indah ta' indah kaki-tangan hospital² terhadap pesakit².

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kaki-tangan hospital di-semua perangkat telah pun di-arahkan supaya berbudi-bahasa dan hormat kepada orang ramai. Ada aduan² mengenai layanan kasar pehak kaki-tangan hospital dan bila aduan² saperti itu di-terima, Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan yang tegas untuk menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajar-nya. Kementerian saya juga memimpin ranchangan² latehan-samula untuk semua perangkat kaki-tangan untuk orientasi sa-mula dan membiasakan pengetahuan mereka berkenaan perkembangan² yang sedang berlaku, dasar² Kerajaan, dan kemajuan di-dalam bidang kesihatan. Di-dalam ranchangan² latehan-samula saperti itu perkara mengenai perhubungan awam juga di-masokkan di-dalam susunan itu. Semua-nya di-maksudkan untuk

membaiki fahaman dan hubungan baik di-antara kaki-tangan hospital dan orang ramai. Saya sendiri juga kerap membuat lawatan² bertemu dengan kaki-tangan² saya dan orang ramai untuk membaiki hubungan dan perasa-an muhibbah di-antara mereka dan saya juga telah menubuhkan jawatan-kuasa² Perhubungan Awam (Public Relations Liaison Committee) di-semua hospital untuk menguruskan aduan². Sekira-nya Ahli Yang Berhormat berhadapan dengan keadaan yang tidak sopan dan sikap tidak indah dari kaki-tangan hospital terhadap pesakit², saya hargai sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat melaporkan hal² seperti itu kepada saya atau kepada pegawai² saya supaya menyelidikan dan tindakan yang sewajar-nya boleh di-ambil. Ada-lah tidak adil sama sa-kali bagi Ahli Yang Berhormat mengeluarkan satu kenyataan umum dan mengatakan bahawa kaki-tangan hospital tidak bersopan santun dan tidak indah akan pesakit².

(*Dengan izin*) Hospital staff at all levels have been instructed to be courteous and polite to the public. There have been instances of reported discourtesy on the part of hospital staff and when such reports are received, my Ministry has always taken firm action to investigate it and to take appropriate action. My Ministry is also conducting retraining programmes for all levels of staff to reorientate and update their knowledge on current developments, Government policies and progress in health fields. In such retraining programmes the subject of public relations is included in the curriculum. All these are designed to promote better understanding and good relationship between the hospital staff and the public. I myself have also been making frequent visits to meet my staff and the public to promote better relationship and goodwill amongst them and I have also established Public Relations Liaison Committee in all hospitals to deal with complaints. If the Honourable Member has any specific instances of discourtesy and indifferent attitude of hospital staff towards patients, I would appreciate that the Honourable Member report such cases to me or to my officers for appropriate investigation and action to be taken. It is grossly unfair for the Honourable Member to generalise and allege

that hospital staff are discourteous and indifferent towards patients.

KEMUDAHAN² SOKAN

20. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan² untuk mengadakan kemudahan² sukan di-dewan² masyarakat seperti yang terdapat di-Dewan Belia Kampong Pandan yang di-gunakan sa-bagai pusat latehan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Untuk maalamuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang menyediakan rancangan² untuk menggalakkan perkembangan dan kemajuan sokan, yang di-dalam-nya termasuk peruntukan kemudahan² sokan bagi mana² tempat orang ramai berkumpul.

(*Dengan izin*) For information of the Honourable Member, this Ministry is preparing plans for the encouragement, expansion and improvement of sports and they include the provision of sports facilities in all suitable centres where the public meet.

SEKOLAH² RENDAH—BILANGAN KANAK²

21. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar kanak² yang di-lahirkan dalam tahun 1965 di-Malaysia Barat akan masuk darjah satu di-berbagai² sekolah rendah pada tahun 1972 akan datang seperti berikut:

- (a) dalam aliran Bahasa Kebangsaan ... 182,944 orang;
- (b) dalam aliran China 74,724 orang; dan
- (c) dalam aliran Tamil 16,382 orang;

jika benar, berapa-kah bilangan kanak² dalam aliran Bahasa Kebangsaan yang akan masuk darjah satu di-sekolah rendah kebangsaan dan bilangan yang akan masuk darjah satu di-sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris, jika tidak, nyatakan bilangan yang sa-benar-nya mengikut aliran² dan jenis² sekolah itu.

Menteri Pelajaran: (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Angka² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah tidak benar.

Anggaran Kementerian saya ada-lah seperti berikut:

(a) ka-Sekolah ² Rendah Kebangsaan	108,757
(b) ka-Sekolah ² Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) ...	57,489
(c) ka-Sekolah ² Rendah Jenis Kebangsaan (China) ...	83,135
(d) ka-Sekolah ² Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ...	15,347
Jumlah ...	<u>264,728</u>

ASRAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAJA CHULAN

22. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa beliau telah menarek kembali peruntokan untuk mem-bena asrama bagi murid² laki² dan perempuan di-Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Chulan, Ipoh.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Peruntokan ini tidak di-tarek balek dan asrama itu akan di-bena pada tahun ini.

SENIOR MIDDLE III—PEPEREKSAAN

23. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian-nya akan mengadakan sa-mula sijil peperiksaan "Senior Middle III" di-Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan (China).

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Perkara ini ada-lah dalam kajian Kerajaan.

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN—MENGHALANG MURID²

24. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada Guru² Besar atau Pengetua² Sekolah Menengah di-Malaysia Barat yang

menghalang murid² yang di-berhentikan dari sekolah² dari mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan walau pun murid² ini telah menjelaskan yuran peperiksaan mereka.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya tidak sedar.

LAPORAN SUROHANJAYA AZIZ—PERLAKSANAAN

25. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa beliau tidak melaksanakan shor² Laporan Surohanjaya Aziz Bahagian III bagi guru² yang lulus dari Timor Tengah.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya tidak dapat memberi apa² jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu kerana saya tidak faham apa yang di-maksudkan-nya. Laporan Surohanjaya Aziz terbahagi kepada beberapa Bab dan sa-tengah daripada Bab² itu di-bahagi²kan pula kepada beberapa Baha-gian. Tidak ada Bahagian III dalam mana² Bab itu yang merujuk kepada guru² yang lulus dari Timor Tengah.

KADAR JUALAN GETAH SIMPANAN AMERIKA

26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan ada-kah benar bahawa Amerika Sharikat bersetuju supaya kadar penjualan getah simpanan-nya di-turunkan daripada 6,000 tan kepada 3,000 tan sa-bulan, meng-ikut permintaan Malaysia. Jika benar, maka sa-lama mana-kah Amerika akan berbuat demikian.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ada-lah tidak benar yang Kerajaan Amerika Sharikat telah bersetuju untuk mengurangkan kadar penjualan getah daripada simpanan-nya daripada 6,000 tan kepada 3,000 tan sa-bulan. Mereka telah bersetuju untuk mengu-rangkan kadar penjualan-nya daripada 6,000 tan sa-bulan atau pun 72,000 tan sa-tahun kepada sa-banyak 50,000 tan sa-tahun mulai daripada 1hb Januari, 1972. Ranchangan penjualan ini akan terus di-jalankan hingga kesemua getah berlebehan (surplus) yang berjumlah kira² 140,000 tan itu di-jual.

KWSP—MENGELUARKAN WANG CHARUMAN

27. **Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) dalam tahun 1970 dan 1971 berapa ramai orang yang telah di-dapati bersalah kerana mengeluarkan wang charuman mereka daripada KWSP sa-chara tipu helah; beri nama² mereka dan jumlah wang yang terlibat; dan
- (b) apa-kah tindakan Kerajaan untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku lagi.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Bagi tahun² 1970 dan 1971 sa-banyak 48 orang telah di-dapati bersalah kerana mengeluarkan wang mereka sa-chara tipu helah daripada KWSP dan jumlah wang yang terlibat ia-lah \$88,617.82. Nama² orang² yang disebutkan itu sedang di-hantar kepada Ahli Yang Berhormat dalam satu memorandum yang berasingan.
- (b) Kawalan² yang berterusan serta penyiasatan yang sesuai untuk menentukan kebenaran pemohon² yang hendak mengeluarkan wang mereka ada-lah langkah² yang telah di-ambil untuk mengelakkan berulang-nya pengeluaran sa-chara tipu helah ini berlaku di-masa hadapan dan penda-awaaan ka-atas mereka yang bersalah di-jalankan sa-chara berterusan dan ini mempunyai kesan yang besar.

(*Dengan izin*):

- (a) For the years 1970 and 1971, 48 persons were found guilty of fraudulent withdrawals of their EPF credits and the total sum involved was \$88,617.82. The names of the persons concerned are being forwarded to the Honourable Member in a separate memorandum.
- (b) Constant surveillance and appropriate investigations to verify the truthfulness of applications for withdrawal are the measures that have been taken to prevent future recurrences of fraudulent withdrawals and the continued prosecution of offenders has had a deterrent effect.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1972

Jawatan-kuasa Perbekalan

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan pindaan kepada Jadual:

- (a) Gantikan tajok Kementerian Pertanian dan Tanah yang terdapat bertentangan dengan Kepala B. 13 dengan tajok Kementerian Pertanian dan Perikanan.
- (b) Gantikan tajok Kementerian Pengangkutan yang terdapat bertentangan dengan Kepala B. 49 dengan tajok Kementerian Perhubungan.
- (c) Gantikan tajok Kementerian Kerja Raya Pos dan Talikom yang terdapat bertentangan dengan Kepala B. 57 dengan tajok Kementerian Kerja Raya dan Tenaga.

Sebab-nya pindaan ini di-kemukakan ia-lah oleh kerana perubahan nama Kementerian² tersebut.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Kepala² B. 1 hingga B. 12—

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, dengan izin, saya mohon menhadangkan supaya 12 Kepala di-timbangkan sa-kali ia-itu Kepala² B. 1 hingga B. 12 untuk di-pertimbangkan sama dalam Jawatan-kuasa ini.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam satu dua perkara di-muka 45 dan 51, B. 7 Pechahan-kepala 6 dan Pechahan-kepala 15—Lembaga Urusan dan Tabong Haji. Menyentuh Pechahan-kepala 6 Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, kalau kita lihat kepada tanggung-jawab dan tugas, serta ranchangan yang akan

di-jalankan dalam tahun 1972 ini amat-lah banyak dan berat, dan kalau kita rujokkan kepada peruntokan yang di-beri tidak begitu banyak berubah.

Dalam peruntokan gaji, kelebihan bagi tahun 1972 ia-lah sa-banyak \$28,000 sahaja. Sementara pemberian, sama sahaja dengan tahun 1971 ia-itu sa-banyak \$42,500, sedangkan tugas dan ranchangan yang akan di-jalankan pada tahun ini ia-lah, sa-lain daripada menyampaikan pengajaran dan da'awah Islam di-seluruh negara, Majlis ini mempunyai ranchangan² yang berikut: Di-antara-nya mengeluarkan risalah², buku² mengenai Islam yang kebanyakan-nya dalam bahasa Inggeris supaya dapat memperkenalkan agama Islam kepada orang² yang bukan beragama Islam.

Kedua, mengembangkan pelajaran Islam dengan lebeh giat lagi daripada tahun 1971, dan lain² lagi yang ada terchatit dalam ranchangan 1972.

Memandangkan ranchangan yang begitu besar dan peruntokan yang tidak bertambah, saya bimbang ranchangan yang baik ini tidak akan dapat di-laksanakan dengan sempurna, mithal-nya dalam tugas menyampaikan penerangan dan da'awah Islam seluruh negara, majlis Kebangsaan ini berkehendakkan, pertama sa-kali tenaga da'awah yang akan memikul tanggung-jawab ini dan dapat memberi da'awah sa-chara berkesan sedangkan tenaga yang ada sekarang di-Majlis tersebut tidak berapa kerat dan terhad.

Kedua dalam soal mengeluarkan risalah² kecil mengenai Islam dalam bahasa Inggeris, ini juga satu bahagian yang tidak juga kurang berat-nya dengan soal da'awah di-atas tadi.

Saya rasa, kalau-lah risalah² kecil mengenai Islam dalam bahasa Inggeris hendak di-keluarkan, saya shorkan ada-lah lebeh baik bagi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam ini bekerjasama dengan Majlis Tertinggi Hal Ehwal Ugama Islam Kementerian Wakaf Republik Mesir yang banyak mengeluarkan risalah² kecil mengenai Islam dalam berbagai² bahasa terutama-nya dalam bahasa Inggeris.

Majlis ini dalam langkah permulaan yang serba kekurangan terutama tenaga, boleh memileh mana² buku dan risalah² yang sesuai untuk sebaran, mithal-nya dalam bahasa Inggeris, di-chetak sa-mula buku² tersebut dan kalau pun perlu di-terjemahkan

dalam bahasa Malaysia dan lain² bahasa yang di-fikirkan perlu. Dengan chara ini kita dapat menjimatkan masa, tenaga dan wang.

Tuan Pengerusi, Majlis Kebangsaan yang mempunyai tanggung-jawab yang besar sa-bagaimana yang saya katakan tadi tidak akan dapat menjalankan tugas-nya dengan sempurna dan memuaskan, jika tidak di-perbesarkan dari sekarang dengan mempunyai bahagian² yang tertentu saperti bahagian da'awah dan penerangan, bahagian penerbitan dan lain² lagi sesuai dengan nama dan kedudukan-nya Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Pusat, dan beberapa orang pakar dalam ilmu falak, da'awah, penerangan dan sharai'ah hendak-lah di-tempatkan di-Majlis Kebangsaan Pusat bagi tindakan segera, sa-belum Jawatan-kuasa Fatua, mithal-nya di-panggil bersidang bagi urusan² yang lebeh besar yang kebanyakan ahli²-nya terdiri daripada wakil² Kerajaan Negeri. Oleh itu untuk menjamin pelaksanaan-ranchangan yang baik yang di-ator bagi tahun 1972 berjalan dengan sempurna, majlis Kebangsaan Islam ini, hendak-lah di-perbesarkan dengan segera dengan mengambil sa-berapa ramai pegawai² yang berkebolehan dan iktisas dalam jurusan² yang tertentu. Dan jika perlu mengeluarkan biasiswa dalam jurusan ilmu falak yang negara kita sangat berkurangan pada masa ini. Sa-tahu saya dalam negara kita ini chuma ada dua atau tiga orang sahaja yang berkebolehan benar² dalam ilmu tersebut. Kalau-lah persediaan yang sa-umpama ini tidak di-ambil dari sekarang, satu masa nanti kita terpaksa meminta bantuan pakar² dalam ilmu tersebut dari negara lain, dan ini satu perkara yang memalukan.

Menyentuh Pechahan-kepala (15) Lembaga Urusan dan Tabong Haji. Walau pun pada masa ini penyimpan² dalam Tabong Haji telah meningkat kepada hampir² satu ratus ribu, tetapi kalau kita bandingkan dengan penduduk yang beragama Islam dalam negara ini bilangan ini hanya merupakan 1/40 daripada orang² yang beragama Islam yang menjadi ahli dalam Lembaga tersebut. Oleh itu, kita tidak harus berpuas hati dengan bilangan tersebut dan langkah penerangan yang lebeh ranchak lagi patut di-lancarkan pada tahun ini. Satu chara yang boleh menarek dalam ranchangan penerangan kelak ia-lah dengan mempamirkan harta Lembaga ini saperti Bangunan Ibu Pejabat-nya di-Jalan Ipoh, bangunan² rumah sewa, kapal² Haji

kalau ada, yang menunjukkan ini-lah hasil kutipan dan simpanan bulanan ahli²-nya hingga dapat kita membena dan membeli harta² tersebut. Dan gambar² tersebut sa-lain di-pamirkan hendak-lah di-chetak dalam ukoran postcard dan di-edarkan kepada ahli² supaya dengan ini, sa-lain dari mendorong semangat penyimpan² terutama di-kampong² menyimpan lebeh banyak lagi. Penyimpan itu dapat mengembangkan gambar² itu kepada kawan² dan jiran² tetangga. Saya maseh teringat sa-masa pembukaan rasmi Ibu Pejabat di-Jalan Ipoh tempoh hari pehak Lembaga telah menjemput ahli² yang menyimpan untuk menghadiri Majlis Pembukaan itu dan ahli² yang di-jemput ia-lah mereka yang telah menyimpan kepada had yang tertentu. Saya perchaya tujuan jemputan ini ia-lah untuk memberi peluang kepada penyimpan-nya melihat bangunan tersebut. Oleh itu dengan meng-edarkan gambar² yang saya chadangkan itu saya perchaya satu perubahan akan dapat di-lihat nanti.

Kedua, Bahagian Perniagaan yang ada di-Ibu Pejabat Tabong Haji Kuala Lumpur hendak-lah di-perbesarkan keseluruhannya negeri dan daerah sama ada di-buka sendiri atau di-lantek ejensi²-nya yang akan meletakkan satu papan tanda atau signboard yang besar memperkenalkan bahagian perdagangan Urusan Lembaga Tabong Haji. Ini satu chara lagi sa-bagai membuat publicity kepada Tabong Haji ini. Dengan chara ini sa-lain daripada merupakan satu publicity kepada Lembaga Urusan dan Tabong Haji, bahagian Perniagaan dapat di-kembangkan keseluruhannya negara dan saya perchaya sambutan yang menggalakkan akan di-dapati.

Ketiga saya berharap akhbar² tempatan saperti *Utusan Melayu*, *Utusan Malaysia* dan *Bertin Harian*, saya perchaya boleh sa-kali sa-kala memberi kerjasama dalam memperkenalkan Lembaga dan Urusan Tabong Haji ini jika mereka di-bekalkan dengan bahan² dan ma'alumat mengenai perjalanan Lembaga ini. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris. Yang pertama, saya hendak sentoh sedikit sa-banyak tentang B. 4 muka surat 76—Surohanjaya Pilehanraya. Tuan Pengerusi, di-meshuarat Dewan ini yang lalu kami pehak Pembangkang telah bertanya

kapada Kerajaan mengapa-kah Kerajaan tidak mendaftarkan pengundi² seluruh tahun dan Kerajaan telah menjawab Kerajaan akan menimbangkan perkara ini. Saya yakin atau saya telah memberitahu kepada Dewan ini empat tahun yang lalu saya telah bertanya soal ini juga dan pada masa itu juga malangnya pehak Kerajaan pun memberi jawapan yang sa-rupa. Saya berharap dalam tahun ini Kerajaan boleh mengambil tindakan supaya pendaftaran pengundi² boleh di-buat bukan enam minggu mulai dari bulan September, tetapi di-seluruh tahun supaya semua ra'ayat di-negara kita boleh di-dapati peluang untuk mendaftarkan nama-nya dalam pendaftaran pengundi²-nya.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I wish also to touch on this question on the revision of the constituencies. The Constitution provides for the revision of constituencies every 10 years. Unfortunately, since the Constitution has been adopted, with the advent of Merdeka, our constituencies have not been revised, although there was an attempt on the part of the first Chairman of the Election Commission who tried to redraw the constituencies according to the Constitution; that raised a hue and cry, so that he had to beat a hasty retreat.

Mr Chairman, Sir, it is 14 years since we achieved Merdeka and it is about time we redraw our constituencies even with the weightage that is given to the rural areas. In this exercise the Government should not take into consideration the population census carried out towards the end of 1960—I think that was the first census after independence—rather it should take into consideration the latest census, so that it will be more realistic in keeping with the movements of population throughout the country. Mr Chairman, Sir, this is a very important exercise that the Election Commission has failed to carry out, and I do hope that it will carry out this exercise as speedily as possible, taking into consideration the latest census, and bring forth its report to this House for adoption.

Mr Chairman, Sir, I wish now to touch on B. 5 page 38—Surohanjaya Perkhidmatan Awam, and I wish to touch on the award of scholarships by the Federal Government. Sir, the award of scholarships, particularly to our Universities at this moment, is in a very unsatisfactory state of affairs. I believe I am

right in saying that the scholarships have been awarded, usually by both the Central and State Governments, before the H.S.C. results are known, with the result that one gets the embarrassing situation when people who have been awarded scholarships, although they may have passed the H.S.C., have not been selected for admission by the Universities concerned. I wish to propose that nowadays with the computer it is not too difficult for the Universities to place all the candidates in order of merit and when all these candidates have been placed in order of merit, even if you have a double list—one list for the bumiputras and one list for the non-bumiputras—then the Federal Government and the various State Governments can give their awards, both scholarships and bursaries, on the basis of the selection made by the various Universities. If this is done, then it will be a fair and just one. Then the award of scholarships will not then depend on whether I am the son of a Dato', I am the son of a political "big wig" in a vital constituency, or I am a distant relative of a Menteri Besar. I have it on very good authority—rather this is my personal experience—two or three years ago one unsuccessful applicant to a Faculty in the University of Malaya came to see me. He said, "Doctor, can you help?" I said, "What is the difficulty?" He said, "Oh, I want to get my son into such-and-such a Faculty" I asked, "What are the facts?" He said these are the facts, and when I looked at the facts, Sir, I told him point-blank, "Your son does not qualify for entrance to that Faculty." He said, "You know doctor, my father, he played a good game of football, and he was a very good friend of the Menteri Besar and he got this scholarship. Now you must help to get my son admitted."

Mr Chairman, Sir, I wish to make it clear that I have no authority to get anybody admitted into any university in this country. But what I can do is to advise them, based on the results of that boy or of that girl, whether he or she can get a place in any particular Faculty. Under the present system, I regret to say that many well-deserving bumiputras, all because they have no links with a Dato' or no links with a Tan Sri, cannot get scholarships. I have known of a candidate who had a place in the Faculty of Medicine, about the most difficult Faculty that one can try to get in the University of Malaya. But he merited admission in the eyes

of the University but because he does not know a D.O or an M.P. or a State Assemblyman—his father may be a lowly taxi driver—he could not go; and he missed the bus. I say this is a very unsatisfactory and an unjust system; and sooner the P.S.C. revises its system and calls all the various State Governments together to agree on a uniform method of award of scholarships the better. The method, Mr Chairman, Sir, that I have outlined is that of the various Universities placing the candidates, one is for bumiputras, one is for non-bumiputras, and the Central Government and the various State Governments can then pick and choose their candidates.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak sentoh sedikit sa-banyak berkenaan B. 7 muka surat 45—Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwat Ugama Islam.

Tuan Pengerusi, saya menyokong sa-penoh²-nya apa yang di-nyatakan oleh Wakil dari Muar Utara tentang gaji guru² ugama. Saya hendak bertanya kepada pehak Kerajaan, ada-kah Kerajaan Negeri masing² di-negara kita ini menyerahkan perkara ini kepada Jabatan Hal Ehwat Ugama Islam? Kami sedar di-negara kita ada 13 Kerajaan² Negeri dan gaji guru² ugama di-bawah 13 Kerajaan Negeri, Tuan Pengerusi, bukan tidak sesuai, tidak sa-rupa dan gaji guru² ugama ia-lah yang paling rendah di-negara kita. Apabila, saya bertanya di-dalam negeri Selangor, pehak Kerajaan di-negeri Selangor menyatakan: Oh! sabar-lah sedikit, kami menunggu Laporan Surohanjaya Aziz.

Tuan Pengerusi, Laporan Surohanjaya Aziz telah di-umumkan tetapi malang-nya guru² ugama belum dapat gaji² yang sesuai. Apabila saya bertanya sa-mula di-dalam Majlis Meshuarat Undangan Negeri Selangor baharu² ini, pehak Kerajaan menyatakan: Oh! kami telah menyerahkan perkara ini kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya mohon minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Ada-kah Yang Berhormat rakan sa-jawat saya dari Batu dengan membuat pembelaan Hal Ehwat Ugama Islam ini beliau ini ada berchita² hendak memasoki ugama Islam.

Tuan Pengerusi: Penjelasan yang hendak di-tanya itu apa? Tegor sahaja tidak boleh, hendak di-tanya² sahaja tidak boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, walau pun saya membentangkan atau membangkitkan perkara ini bukan untuk tujuan memancing undi, kata pehak Kerajaan Majlis Undangan Negeri Selangor atau untuk memasoki agama Islam. Saya ia-lah sa-orang yang beragama Keristian, Tuan Pengerusi, oleh sebab saya datang dari ra'ayat, saya tidak boleh melihat ra'ayat di-hinakan oleh Kerajaan. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, yang saya

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, perkara yang di-binchangkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan gaji guru² sekolah agama, saya nampak di-sini tidak ada perkara itu dalam Kepala yang di-binchangkan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Ada, Tuan Pengerusi, malang-nya Wakil dari Johor Tenggara ini dia tidak melihat di-muka surat 45—Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam.

Tuan Pengerusi: Ada, barangkali di-bawah B. 7.

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak bertanya kepada Kerajaan Pusat. Perkara ini ada di-serahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam—itu sahaja dan jika ada, apa tindakan atau kajian telah di-ambil, atau di-buat oleh Kerajaan Pusat supaya, Tuan Pengerusi, guru² agama Islam di-negara kita tidak boleh di-hinakan lagi.

Tuan Pengerusi, pegawai² awam di-bawah Kerajaan Pusat ia-lah ada Surohanjaya Gaji Suffian dan bagi guru² di-negara kita pula ada Surohanjaya Aziz, malang-nya, Tuan Pengerusi, guru² agama tidak ada sa-siapa pun menjaga nasib-nya.

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Soal gaji guru², baik agama atau bukan, atau khas-nya yang berkenaan agama Islam tidak ada kena-mengena dengan Pejabat Ugama Pusat yang ada di-bawah Jabatan Perdana Menteri yang di-binchangkan oleh Ahli Yang Berhormat sekarang ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, saya

Tuan Pengerusi: Satu lagi saya hendak memberi keterangan. Ada pun banyak-nya jumlah² wang di-sini tidak boleh di-tambah, melainkan hendak di-potong sahaja boleh berchakap, jangan-lah membuang masa

hendak berchakap² sahaja hendak tambah yang sudah tentu tidak dapat di-tambah masa ini.

Dr Tan Chee Khoon: Ya, Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh sedikit sahaja, tetapi oleh sebab mereka hendak membuat kachau sahaja, saya memanjangkan ucapan saya

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Minta ma'af, Tuan Pengerusi, saya boleh refer this irrelevant, di-bawah satu Kepala yang tidak ada kena-mengena. Saya bukan bermaksud hendak mengachau kerana Pejabat Ugama dan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam tidak ada kena-mengena dengan gaji guru² agama dalam negeri ini. Saya bukan hendak membuat kachau, hendak tunjukkan how irrelevant he is.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, nampak-nya di-dalam Dewan ini ada orang yang tidak mahu saya menyentoh perkara ini.

Tuan Pengerusi: Bukan begitu. Saya sendiri bersetuju ada irrelevancy sedikit.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh tentang Malaysian Centre for Development Studies. Saya hendak bertanya boleh-kah Pusat ini memberi laporan tiap² tahun tentang kemajuan di-negara kita di-bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua. Oleh sebab Kerajaan Pusat sentiasa mengatakan: Oh! rancangan ini ada maju dan kita buat ini, kita buat itu, kita belanja \$725 juta pada tahun 1970 dan pada tahun 1971 kita telah belanja \$890 juta dan sa-bagai-nya. Jikalau Pusat ini boleh memberi laporan tiap² tahun, kita boleh melihat sa-benar²-nya, atau tidak, kami ada menchapai semua rancangan² di-bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh sedikit sa-banyak tentang B. 10 Perangkaan. Saya hendak bertanya kepada Kerajaan, bila-kah laporan census ini yang di-buat tidak berapa lama dahulu boleh di-umumkan?

Mr Chairman, Sir, the Census Report is a very important document and the census has been a very important piece of work that every country carries out every 10 years. I think I am right in saying that more than a year has lapsed since the last census had taken place and if we have to wait for another 3-4 years before there is a complete

report of the census, then I am afraid much of the value of the document would be lost, because the data that will be provided by the time it comes out in another 3-4 years will probably be out of date and, as such, I hope the Statistics Department will be in a position to give us a complete report of the census, not in dribs and drabs as has been done in the last few months, but a complete report so that not only the people of this country but the people outside this country can know what are the vital statistics regarding this country.

In this connection also, I wish to touch on the cost of living index that the Minister of Finance has stated that will be carried out this year. I think it is a really laughable thing for any Minister to be proud of the fact that the cost of living index has arisen 1%, 1½% and the like, and to compare it with developed countries which have a cost of living index rise of about 4%. I dare say that none of the Ministerial Benchers nor their wives ever go to the market. If they go to the market they will see how small the dollar has shrunk to; they will literally see how small the dollar has shrunk to. It is true I do not go to the market, but my wife goes to the market every day, and from time to time, Mr Chairman, Sir, I do buy things from the stalls in the market, and I can assure the Ministerial Benchers that you just go to the market and they do not talk in terms of 1% increase or 2% increase. If there is an increase in price of one cent—let us say, from 20 cents it increases to 21 cents—he just rounds it up to twenty-five cents. So what happens is the cost of living does not rise by 1%—for 1 in 20 is already 5% but 5 in 20 is 25%. Mr Chairman, Sir, and therefore I say that this is a very serious state of affairs and the Ministers should not play about with figures—it does not fool anybody. But if the Department of Statistics were given adequate funds—I wish to stress “adequate funds”—then they can carry out a proper survey, e.g., how much one basket of fruits, or the daily necessities we want to buy and we need, will cost from day to day. If they are given adequate funds, then I am sure we will be given realistic figures of the cost of living index and no Minister of the Crown, least of all the Minister of Finance, will crow in this House that our cost of living index is very, very stable and that the increase is very, very small, that it is in the region of 1% or 1½%

or 2% at the most. This may make good consumption for the backbenchers and for themselves. People in the market, people outside who perhaps go to the market with \$1 or at the most \$2 a day, do not see the logic of it and they can say, “Apa Menteri itu chakap, beliau tahu-kah harga gula, harga beras, harga ikan dan sa-bagai-nya. Beliau mana tahu; beliau tidak datang ka-pasar, mana dia tahu harga benda² yang di-kehendaki oleh ra‘ayat di-negara kita”. Mr Chairman, Sir, I do hope, I reiterate, that the Department of Statistics will be given adequate funds not only to carry out the cost of living index, but also to carry out the other exercises that are very vital, if we are to provide the information that is needed not only by the ordinary man, but also by the industrialists and by foreigners who wish to industrialise in this country. Thank you.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Dato' Pengerusi, saya berchakap berkenaan B. 1, Pechahan-kepala 1100, 1200 dan 1300, Kepala-kechil (1) (2), (1) (2) dan (1) (2). Sa- bagaimana kita ketahuï Parlimen ini ia-lah sa-buah pejabat yang tertutup (closed service). Jadi saya suka hendak berchakap dalam masaalah ini.

Dato' Pengerusi, keadaan pekerja di-Parlimen ini sendiri oleh sebab ada sa-buah pejabat tertutup (closed service), peluang naik pangkat atau meningkat lebeh tinggi ada-lah terhad. Saya tahu ada beberapa jabatan lagi yang tertutup, umpama-nya Jabatan Talikom dan lain² atau Keretapi tetapi oleh sebab Bahagian Keretapi atau Jabatan Keretapi atau Jabatan Talikom dan lain² itu lebeh besar bahagian-nya. Jadi, pegawai² itu boleh di-tukarkan daripada satu bahagian kepada satu bahagian dan dia mulai mendapat keadaan kehidupan yang lebeh baik, tetapi di-Parlimen sekarang ini sa-saorang pegawai, dia dudok pada tingkat yang lama hanya menanti sa-saorang pegawai dalam Parlimen ini bersara atau meninggal dunia, maka baharu-lah peluang itu ada kepada mereka itu. Kepada sa-saorang Kerani umpama-nya, mati gaji-nya umpama-nya \$500 dan peluang meningkat kepada Superscale ta' ada sa-lagi orang yang di-atas daripada belum bersara atau meninggal dunia. Jadi, rasa saya patut-lah Parlimen ini di-jadikan satu special keadaan yang tidak boleh di-bandingkan dengan lain² jabatan sebab peluang kepada mereka itu terhad.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya suka menhadangkan supaya Jabatan Parlimen ini sendiri mengadakan Bahagian Biro kerana tujuan Biro ini ia-lah memberi perkhidmatan kepada Ahli² Dewan Ra'ayat dalam perkara yang di-fikirkan oleh mereka wajar mendapat pertolongan daripada Parlimen, terutama-nya mendapatkan ma'lumat dan butiran mengenai perjalanan dan perkhidmatan Kerajaan. Dengan adanya Biro ini boleh-lah Ahli Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara menghantar pertanyaan sa-panjang masa dengan tidak payah menunggu masa Parlimen. Ma'lumat itu boleh-lah mereka gunakan antara lain . . .

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya tidak berapa terang, Biro apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Kalau Yang Berhormat Menteri itu sabar sedikit, maka sampai-lah kepada had saya memberi ma'aluman.

Dato' Pengerusi, oleh sebab keadaan Parlimen kita sekarang ini terhad pertanyaan pada masa Dewan Ra'ayat dan kekurangan kaki-tangan di-dalam Parlimen kita sekarang ini, saya mengeshorkan ada satu jabatan kerana pada masa yang akhir ini orang panggil "Biro". Jadi kita adakan Parlimen ini khusus bagi menjawab sa-barang perkara. Pada masa ini umpama-nya satu pertanyaan kita adakan di-dalam masa Dewan Ra'ayat bagi melayan dalam tempoh sekian². Jikalau sa-kira-nya perkhidmatan itu ada sa-panjang masa kita boleh berhubung dengan Parlimen atas sa-barang perkara yang berhubung dengan keadaan dan pemerintahan dalam negeri kita. Jadi pada hari ini oleh sebab kaki-tangan itu terhad khidmat ini tidak boleh di-dapati dengan baik. Dengan kita menubuhkan jabatan itu, kita mengadakan rancangan dan kelengkapan, umpama-nya kaki-tangan dan jabatan ini berkhidmat bukan sahaja kepada Ahli Dewan Ra'ayat tetapi juga kepada Ahli Dewan Negara atau jabatan² yang berkenaan.

Dato' Pengerusi, yang akhir saya berchakap B. 1 ini ia-lah rumah kaki-tangan. Pada masa ini kaki-tangan rendah Parlimen ini sendiri walau pun mereka dapat sewa rumah tetapi apa yang patut kita fikirkan kaki-tangan rendah Parlimen Division IV atau Division III yang terpaksa menyewa di-luar² bandar, di-luar² tempat dalam bandar

ini dengan sewa yang mahal sedangkan mereka mendapat sewa rumah yang kecil, jadi ada baik-nya Parlimen ini sendiri memikirkan bagi mendirikan rumah mereka itu sa-bagaimana kaki-tangan yang lain. Dan kalau sa-kira-nya Parlimen tidak berupaya mendirikan rumah ada baik-nya Parlimen sendiri berunding dengan perbadanan yang ada dalam negeri ini, dalam Kuala Lumpur, dalam Selangor ini bagi mendapatkan ketutamaan bagi menempatkan kaki-tangan rendah Parlimen ini sendiri. Jadi, saya harap perkara ini akan di-ambil perhatian bukan sahaja oleh Menteri yang berkenaan, tetapi oleh Yang Berhormat Dato' Pengerusi sendiri sa-bagai Yang di-Pertua Dewan. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yuus (Dungun): Dato' Pengerusi, suka saya mengambil bahagian sedikit ketika membahathkan dalam Jawatan-kuasa ia-itu dalam perkara B. 1—Parlimen. Saya ingin menyebutkan tentang kedudukan achara di-Parlimen ini di-mana tiap hari kita mengadakan persidangan dan di-adakan bacaan do'a. Jadi, pada saya minta supaya do'a yang kita baca pada tiap² hari itu ada-lah do'a Islam ia-itu dengan menyebut bismillah hirrahma nirrahim atau pun alham dulillah. Sebab sekarang ini kalau kita hendak katakan do'a umum, nampak-nya orang yang bukan Islam pun tidak angkat tangan, yang angkat tangan-nya ia-lah orang Islam sahaja. Jadi, sa-baik² kalau bagitu maka do'a pun biar-lah sesuai dengan Islam atau do'a mesti di-sebut dengan perkataan alham dulillah lebeh dahulu atau pun bismillah hirrahma nirrahim lebeh dahulu dengan tidak nama Tuhan sa-mata².

Sa-lain daripada itu, Dato' Pengerusi, saya ingin menyebut juga tentang urusan² Perpustakaan di-Parlimen ini, saya minta supaya ringkasan kemajuan² Kementerian di-adakan pada tiap² masa dan boleh kita baca dari satu tahun ka-satu tahun di-Perpustakaan, atau pun lebeh baik jika sudi di-beri kepada tiap² anggota Parlimen ini.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya ingin menyebut tentang B. 2 ia-itu Majlis Raja². Saya nampak dalam hal ini satu perkara yang kita ketinggalan sedikit ia-itu kedudukan Rukunegara kita di-mana Rukunegara sa-tahu saya tidak di-bawa ka-dalam Majlis Raja² sedangkan perkara ini melibatkan ra'ayat dan melibatkan Raja² negara

ini dan di-antara lain-nya ia-lah termasuk kedaulatan Raja² dan negara. Jadi, saya kira oleh kerana perkara ini mendatangkan tidak penghormatan kepada sa-tengah orang sa-baik² perkara ini di-letakkan, di-bawa ka-dalam Majlis tersebut dan jika boleh sa-baik²-nya di-masokkan dalam Perlembagaan kita menjadikan satu mukadimah atau pun satu Charter yang mana boleh diperundangkan dan akan di-ta'ati oleh semua ra'ayat dalam negara kita.

Sa-lain daripada itu, Dato' Pengerusi, saya ingin menyebutkan lagi ia-lah tentang B. 4—Pilihanraya. Kedudukan sekarang pilihanraya ada penyemakan² yang di-jalankan, tetapi penyemakan ini selalu-nya kurang memuaskan kerana perjalanan-nya tidak begitu hebat. Saya minta supaya pada masa yang akan datang di-perhebatkan dengan sa-sungguh²-nya supaya tidak timbul masalah, kemushkilan pengundi² dan bakal pengundi di-mana mereka tidak di-daftarkan. Sebab selalu juga saya bertanya dan sa-tengah² jawapan saya terima ia-lah tentang tidak chukup wang dan sa-bagai-nya. Jadi, saya harap pehak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ambil perhatian hal ini dan mengadakan satu unit yang betul² chergas untuk mendaftarkan bagi semua orang khas-nya orang² Melayu yang kurang benar mengambil berat tentang hal pendaftaran pengundi ini, jadi mereka merasa bahawa mereka ini dengan keadaan saraan-nya sahaja begitu dan mereka tidak mengambil berat. Jadi, saya harap pehak Kerajaan mengadakan kempen yang sungguh², dan sa-lain daripada itu kerja yang sungguh² untuk pendaftaran pilihanraya.

Yang Kedua, masalah ini ia-lah tentang kajian sa-mula bahagian pilihanraya ini. Saya dapat tahu bahawa sekarang ada kajian sa-mula tentang kawasan² pilihanraya di-seluruh negara kita. Jadi saya minta supaya kedudukan pembahagian pilihanraya ini hendak-lah di-kaji sa-hingga benar² supaya di-satengah² kawasan yang kebanyakan daripada orang² Melayu atau pun kaum bumiputra di-tambah sedikit sa-banyak kawasan-nya jangan tempat lain sampai ada 10 sedangkan di-tempat kami ada lima enam sahaja, demikian juga kawasan State ada 30

lebih di-kawasan kita ada 20 sahaja. Jadi itu rasa-nya kurang menyenangkan, jadi sa-baik²-nya di-banyakkan lebih sedikit di-kawasan² pilihanraya di-kawasan mana banyak bumiputra atau pun orang² Melayu.

Sa-lain daripada itu Dato' Pengerusi, berkenaan dengan Surohanjaya Perkhidmatan Awam ini. Saya pun ingin menyebutkan supaya perasaan puas hati biar-lah benar² ada di-kalangan pemohon² untuk satu² benda supaya tidak timbul perasaan churiga sa-bagaimana yang di-ketahu² dengan suara yang di-keluarkan oleh sa-orang wakil pehak Pembangkang juga wakil dari Batu tadi.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya ingin menyebutkan tentang B. 7 ia-itu Jabatan Perdana Menteri, terutama saya ingin menyebut tentang Kabinet dan Perlembagaan. Saya ingin menyatakan bahawa nampak-nya Kabinet kita ini achap juga diubah, di-pinda, mungkin ini melibatkan wang bertambah dan sa-bagai-nya. Saya harap pehak Kerajaan jangan-lah takut sangat kepada sa-tengah² orang kerana apakala orang itu kuat² suarakan jadi diadakan satu Kementerian, nanti akan datang pun ada pula Kementerian lain, jadi nampak-nya Kerajaan takut kepada diri-nya sendiri sedangkan kenyataan² yang pertama menunjukkan bahawa apa yang mereka buat adalah betul. Jadi, saya rasa dalam penyusunan Kabinet ini hendak-lah memikirkan tentang masalah wang kita juga supaya lebih ekonomik dan mendatangkan faedah yang lebih baik.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu tentang Peranchang Ekonomi, ini saya harap pehak yang berkenaan mengambil perhatian bahawa untuk meranchang ekonomi hendak-lah menyesuaikan keadaan sa-tempat di-mana kadang² dalam ranchangan ekonomi nampak-nya ada yang kurang memuaskan, mithal-nya ada sa-tengah kilang² di-dirikan di-tempat yang kena banjir, apakala datang banjir kilang itu tidak berjaya bagaimana yang saya dengar, sa-tengah² kilang yang telah di-kelolakan pehak yang tertentu. Demikian juga ranchangan ekonomi mithal-nya mengadakan satu perusahaan yang kurang minat oleh kaum sa-tempat. Mithal-nya di-tempat kaum nelayan di-buat ranchangan pertanian. Dari satu sudut ia betul ia-itu untuk menarek kaum nelayan supaya pergi kepada pertanian, tetapi oleh kerana sudah menjadi tabi'at sa-mula jadi, mereka

ini dudok dalam keadaan nelayan, maka ranchangan ekonomi di-situ harus-lah disesuaikan dengan keadaan semangat kaum nelayan mereka seperti mengadakan kilang mengtin ikan dan sa-bagai-nya yang sesuai untuk nelayan². Demikian juga dalam bahagian pertanian, kalau di-tempat itu banyak sesuai dengan padi maka demikianlah keadaan-nya.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu saya ingin menyebut tentang Jabatan Perpaduan Negara. Jabatan Perpaduan Negara ini memang baik. Dalam sa-buah negara kita ini yang mustahak-nya ia-lah perpaduan, kalau sa-buah negeri tidak berpadu pechah-lah negeri ini, kita mustahak supaya berpadu.

Berpadu kapada ini, Dato' Pengerusi, ia-lah di-negeri kita ini ada beberapa segi. Pertama berpadu di-antara kaum². Mithal nya antara orang Melayu, orang China dan lain². Ini pun perlu kita berpadu dan menitek beratkan perpaduan kita dari beberapa aspek dan beberapa segi. Sa-balek-nya pula ada perpaduan yang perlu di-pupok ia-lah perpaduan antara satu gulongan sahaja ia-itu mithal-nya antara orang China sama orang China dan antara orang Melayu dengan orang Melayu. Ini pun mesti di-pupok sa-hebat²-nya. Saya sebutkan mithal-nya perpaduan di-sebabkan oleh beberapa gulongan kadang² gulongan parti: kerana dia PAS maka dia ketinggalan, kerana dia UMNO maka dia naik ka-hadapan, kerana dia DAP kerana dia pergi ka-belakang. Bagitu, jadi dengan ini erti-nya tidak boleh, jadi mendatangkan tidak berpadu. Apabila tidak berpadu, lama² tidak berpadu, Dato' Pengerusi, macham² boleh jadi. Jadi saya ta' mahu perkara itu. Apa yang saya mahu ia-lah kita sunggoh² berpadu daripada perengkat atas, saya dengan Menteri² yang ada, berpadu dan yang di-bawah pun, yang pengikut- kita di-kampung² pun berpadu juga, Dato' Pengerusi.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Boleh-kah Yang Berhormat itu mendahului perpaduan itu dengan orang² PAS masuk ka-dalam UMNO?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Boleh jawab, atau tidak, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Soal tadi patut ta' di-tanya

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi

Tuan Pengerusi: Hendak jawab boleh, saya tidak ada halangan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ta' payah-lah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Senang, ta' payah!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya, ta' payah-lah. Kalau kita masuk UMNO, ta' payah-lah jadi berpadu itu.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Dato' Pengerusi, kalau dia tidak sebut, wakil PAS itu boleh

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Kerana, Tuan Pengerusi, wakil Lipis tidak puas hati, biar saya jawab sedikit. Sa-benar-nya kalau masuk UMNO ta'-lah nama beberapa pehak pula, jadi satu pehak sahaja. Yang menimbulkan beberapa pehak, yang ini PAS, ini UMNO, ini DAP, ini Progressive. Itu yang jadi hendak berpadu di-antara berbagai² kaum dan berbagai² gulongan. Itu jawapan-nya.

Tuan Pengerusi, tentang hal perpaduan ini, sa-benar-nya tidak dapat berpadu, hanya kita sa-mata² tetapi kita mahu kapada pengikut² kita; dan pengikut² kita di-belakang sana tidak dapat berpadu melainkan kita menunjukkan contoh, menunjukkan contoh dan pengajaran khas-nya orang² pehak Kerajaan, kami pehak pembangkang memang tidak boleh buat apa². Jemput majlis jamuan kami pergi. Kalau jemput majlis tari menari, pun kami pergi, tetapi kami tidak menari. Jadi jemput apa pun, ma'ana-nya kami selalu memberi sokongan kepada Kerajaan dari segi perpaduan

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Uchapan tidak boleh di-tegor, tidak boleh di-interrupt melainkan atas dua perkara on a point of order, atau hendak menerangkan apa ucapan kita dahulu. Ahli Yang Berhormat sedang berchakap lagi, tidak boleh di-tegor melainkan on a point of order.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, jadi saya memberi contoh, sa-bagai Nabi Mohamed s.a.w. ada berkata ia-itu tunjok-lah dengan perbuatan kemudian baharu-lah pengikut² kita lebeh setuju, lebeh chepat mengikut kita. Kalau perkataan sahaja kita mahu perpaduan, perpaduan tetapi perbuatan kita tidak, Tuan Pengerusi, maka

pengikut² di-belakang kurang mengikut. Jadi kami minta supaya pehak Kerajaan pun tolong-lah menunjokkan beberapa kerja yang mendatangkan perpaduan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyebut tentang Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam. Saya minta supaya Kerajaan kita mengambil perhatian yang benar² tentang Majlis Hal Ehwal bagi Kebangsaan Ugama Islam ini dengan sebab: Pertama, Jabatan ini menyeluruh. Yang kedua, Jabatan ini memang untok kebaikan umat kita. Yang ketiga, Jabatan ini ada-lah sesuai dengan Ugama Islam, Ugama Rasmi. Jadi Pejabat Hal Ehwal Ugama kita ada-lah Pejabat Hal Ehwal Ugama Rasmi kita. Jadi harus peruntokan dengan banyak ia-itu membolehkan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama ini menumpukan usaha²-nya dengan lebeh chemerlang dan lebeh chekap lagi dan sa-lain daripada itu kita minta pula pengawasan di-buat supaya Majlis Ugama Islam ini betul merupakan Majlis yang bergerak progresif dan denamik untok faedah Islam di-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, yang perlu saya sebutkan lagi ia-lah tentang Lembaga Urusan dan Tabong Haji. Saya gembira tentang Lembaga Urusan dan Tabong Haji ini kerana kejayaan-nya memunchak naik. Sa-tahu saya kalau tidak silap lebeh daripada \$20 juta dia punya capital sekarang, kalau tidak silap-nya dan saya rasa ini ada-lah satu kejayaan yang baik di-beri oleh ra'ayat negeri ini kepada Lembaga Urusan dan Tabong Haji dan kita harap di-masa yang akan datang Lembaga Urusan dan Tabong Haji ini akan lebeh berjaya. Chuma yang saya hendak mengambil perhatian ia-lah tentang Lembaga Urusan dan Tabong Haji kurang mengambil perhatian berhubung dengan jema'ah haji yang hendak pergi ka-Mekah tahun ini sahingga yang menaiki kapal terbang pun berchichir²an, yang menaiki kapal laut kena naik kapal terbang, yang hendak pergi macham² cherita. Macham² yang kena dudok di-Kuala Lumpur sa-minggu dan sabagai-nya. Erti-nya kedudukan pentadbiran kurang memuaskan pada tahun ini. Jadi saya tidak tahu daripada mana datang-nya atau pun sebab-nya hal ini terjadi. Sama ada Tabong Haji silap membuat perjanjian dengan perkapalan atau pun Tabong Haji sendiri yang silap, itu saya tidak tahu. Dan penjelasan akan dapat di-beri oleh Menteri

atau pun pehak yang berkenaan sendiri. Maka chuma saya minta supaya keperchayaan ra'ayat yang bagitu tinggi kepada Tabong Haji jangan di-abaikan. Nanti kalau keperchayaan orang kepada Tabong Haji ini hilang maka dia orang tidak akan memasoki Lembaga Urusan dan Tabong Haji. Apabila dia orang tidak masok, erti-nya Tabong Haji itu makin merosot. Sekarang pun sudah ada kedengaran konon-nya wang Tabong Haji ini pengurusan-nya tidak betul. Cherita²-nya walau pun benda ini khabar² angin tetapi oleh sebab kejadian tahun ini, kegagalan tahun ini dalam pengurusan Tabong Haji maka menimbulkan chakap² khabar² angin saperti ini. Konon-nya Tabong Haji mengadakan sharikat² dan wang Tabong Haji telah di-uruskan dengan chara yang tidak betul. Jadi perkara saperti ini, saya tidak mahu sebab saya pun ada-lah sa-orang yang menyokong Tabong Haji. Jadi saya harap Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian supaya jangan-lah kejadian saperti ini berlaku dan Tabong Haji, biar-lah benar² menjadi Tabong Haji yang betul² bergerak dengan betul² baik. Sa-baik²-nya kalau Tabong Haji dapat membeli kapal sendiri, biar-lah Lembaga Urusan dan Tabong Haji sendiri membeli kapal dan kalau Tabong Haji boleh menjadi ejen² maka Tabong Haji sendiri boleh menjadi ejen² sebab dia perbadanan Kerajaan, pengurusan-nya lebeh chekap dan lebeh lichin sesuai dengan Jabatan² yang lain di-bawah Kerajaan. Sekian, terima kaseh.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I would like to touch on Head B. 4, Kod 1100, about Surohanjaya Pilehanraya. After the General Election in 1969, there was no revision of electoral rolls in 1969 and 1970 because of the dictatorial N.O.C. rule in the country. The public was kept in suspense whether there would be future elections in the country or would the Government pursue the dictatorial regime of the N.O.C. in the future. To the amazement of the population, there came the revision of electoral rolls last year and the announcement that all citizens who have attained the age of 21 and all those who have not registered themselves previously will have to register themselves as potential voters. In spite of publicity put forth by the Government, the public were not properly advised where and how to register themselves. They were rushing all over the districts, hoping to get themselves registered and very few of them were aware

that the D.O.s or the A.D.O.s or the Chinese Affairs Officers or the Penghulus had been appointed as registration officers in the district.

Mr Chairman, Sir, when we approached the D.O.s to send out the Government information vans to guide the eligible voters where to get themselves registered, we were shocked to hear that such vans were under repair for the last three months. Sir, is it logical to understand that such vehicles need three months to be repaired? Then it is appropriate that the Government should subsidise a new vehicle. So as not to disappoint the public, I organised my party members to help to register the voters in the district, from house to house campaign. Sir, I had to approach the Ipoh Elections Office for forms because the officers in charge of my constituency were not able to supply me the necessary forms and even the receipt books were also out of reach. Mr Chairman, Sir, what is the point in allotting such a sum of money for that Department when it could not carry out the minimum service required? Sir, I urge the Ministry concerned not to appoint officers to look into such matters when they themselves are not interested in the work and that more opportunities be extended to the political parties who are prepared to cooperate with the Government.

Sir, I notice that in Kod 1100, Item (4) "Review of Constituencies" an amount of \$133,856 has been allotted. For what purpose? Is it that the Government had learned a lesson of the defeat in the last elections so that it would have to mend the loss by reviewing the constituencies in the country to arrange in such a way that they could easily balance the electorates in the constituencies. No matter how much the Government tries to review the constituencies, the public will have the final voice in future elections, Sir.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Dato' Pengerusi, saya bangun mengalu²kan peruntokan ini dan saya hendak berchakap menyentoh berkenaan dengan muka 29—Parlimen.

Tuan Pengerusi: Sila kuat sedikit Yang Berhormat, tidak berapa dengar. Saya pun tidak dengar, barangkali Yang Berhormat Menteri² pun tidak dengar.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Dato' Pengerusi, berchakap muka 29—Parlimen. Dato' Pengerusi, sunggoh pun apa yang saya akan chakapkan ini telah pernah saya bangkitkan di-dalam beberapa Persidangan Belanjawan yang lalu, tetapi biar-lah saya ulangkan sa-kali lagi di-dalam Dewan ini apa yang saya nampak, yang patut di-ambil satu tindakan segera supaya Dewan Parlimen ini sa-benar²-nya akan menjadi satu Dewan yang mulia, ia-itu satu Dewan yang betul² menjadi satu lambang kemegahan bagi negara kita.

Satu daripada apa yang saya hendak katakan, sa-bentar tadi, Dato' Pengerusi kata tidak dengar. Jadi, yang sa-benar-nya Dewan ini mempunyai satu kesilapan tentang chara membangunkan-nya, ia-itu mempunyai satu gaung atau echo. Jangankan kata Dato' Pengerusi, tetapi kalau berchakap di-sini orang di-sabelah Kerajaan sana pun susah hendak dengar dan barangkali kapada orang yang di-sabelah sini ta' dapat dengar langsung. Boleh dengar bunyi macham teban sahaja. Jadi, oleh kerana itu saya merayu-lah kapada Dato' Pengerusi, supaya berikhtiar atau memperbaiki kedudukan Dewan ini supaya dapat kita menghilangkan echo atau gema yang tidak sa-bagitu terang apabila sa-orang itu beruchap di-dalam Dewan ini.

Dan yang kedua, Dato' Pengerusi, saya tengok sa-lepas daripada 13 Mei, banyak perubahan² telah berlaku di-dalam Dewan ini, yang saya rasa sangat membazir. Pada satu masa yang telah lalu saya dapati ada aquarium ikan² yang berwarna-warni di-dalam Dewan ini. Saya rasa itu pun memakan belanja yang bagitu banyak, tetapi sekarang tidak nampak lagi. Di-mana pergi-nya tidak-lah di-ketahui.

Tuan Pengerusi: Orang sudah makan barangkali.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Dan bagitu juga saya dapati banyak almari² yang menghilangkan kechantekan di-dalam Dewan ini. Umpama-nya di-pasang di-sabelah sana, ada almari tempat menyimpan buku. Dahulu kita tengok dinding berjalor², bagitu chantek, sekarang ada artificial pula. Di-taroh pula ply-wood berwarna, pokok nenas pun ada nampak di-situ. Jadi, Dato' Pengerusi, perhati betul². Jadi, kalau tidak di-perhatikan

dengan betul, Dato' kata yang itu original-lah, padahal yang di-buat itu pokok nenas itu. Jadi, kalau macham ini dahulu bukan main chantek, Dato' Pengerusi.

Jadi, saya berharap-lah supaya pehak yang mentadbirkan bangunan ini jangan-lah begitu membazir dan kemudian di-dalam Pejabat Am pula di-buboh sangkar. Sekarang saya dapati, Dato' Pengerusi, semua dudok dalam sangkar orang² yang bekerja ini. Ini Parlimen satu Dewan yang bebas. Kita pergi dudok dengan terbuka. Ada pula di-larang masuk di-situ. Jadi, macham². Saya berharap-lah perkara² yang sa-macham itu sebab kita bangunan Dewan Parlimen, bebas bagi ahli² politik kapada Dewan yang sa-macham ini.

Kemudian, Dato' Pengerusi, dahulu kita ada Bentara, yang kita ambil sa-kurang²-nya pangkat Majer, sebab di-buat begitu ia-lah kerana di-dalam satu² persidangan, terutamanya kalau ketika Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka beliau-lah yang akan mendahului Yang di-Pertuan Agong membawa chokmar, tetapi sekarang saya dapati macham sudah hilang. Kemudian Kolonel pun sudah hilang. Bukan-lah kata saya memandang rendah kapada orang² yang berkhidmat sekarang ini. Terima kaseh, bukan-lah, tetapi untuk mensesuaikan supaya Parlimen ini menjadi sa-benar² Parlimen maka saya harap-lah jawatan itu di-sambong balek sa-mula kerana banyak orang² kita dalam Military yang banyak, yang bersara, yang boleh memegang jawatan yang begitu mulia di-dalam Dewan ini.

Kemudian satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, ini telah saya tegorkan di-dalam persidangan yang lalu, fasal pakaian wanita kaki-tangan Parlimen. Ini sangat-lah mendukachitakan. Sa-bagaimana yang saya kata, Parlimen ini ada-lah satu bangunan yang mulia, bangunan yang sangat di-hormati, tetapi kalau kita masuk ka-dalam Dewan ini, ka-dalam bangunan Parlimen ini kita tengok pakaian wanita kita sa-olah² saperti beauty contest. Jadi, saya berharap-lah, Dato' Pengerusi, supaya di-adakan satu penyusunan samula supaya menggunakan satu pakaian. Sekarang kita sudah akukan bahawa sa-nya baju kurong atau baju Kedah menjadi Pakaian Kebangsaan. Ini patut kita amalkan. Jangan kita chakap sahaja bahkan kita buktikan ka-tengah² masharakat supaya ra'ayat jangan kata: chakap sahaja pandai Menteri² ini. Kami pergi ka-Parlimen tengok nampak

peha, habis semua. Jadi, ini sangat mendukachitakan, macham tuan² yang tidak pernah pergi ka-kampong², kita kata ta' apa-lah, tetapi macham saya berdamping dengan ra'ayat. Banyak perkataan² yang sa-macham, yang tidak begitu menyenangkan. Jadi, saya harap-lah, Dato' Pengerusi, supaya apa yang saya katakan tadi dapat-lah di-pertimbangkan dan di-persesuaikan balek supaya bangunan ini sa-benar²-nya akan menjadi sa-buah bangunan yang terhormat.

Kemudian kalau kita naik di-atas sana, pandang di-bawah; sunggoh pun sekarang kawasan² yang ada di-sekeliling Parlimen, Dato' Pengerusi, tidak lagi di-jagai oleh Parlimen, tetapi sa-kurang²-nya dia di-anggapkan sa-bagai sa-bahagian daripada tanah Parlimen. Kita tengok dari atas nampak tanah botak, ta' nampak hijau, nampak botak sahaja segala kawasan di-sekeliling-nya. Padahal negeri kita ini ada-lah sa-buah negeri yang hijau, green country, semua-nya hijau, tetapi ada botak² kita nampak. Jadi, itu pun saya berharap-lah juga supaya di-beri persesuaian.

Dan yang akhir sa-kali ia-lah berkenaan Lembaga Tabong Haji. Banyak kita telah bacha dalam surat khabar. Banyak kita dengar bualan² di-kedai kopi dan ta' sedikit pula kita dengar di-tengah² jalan berkenaan dengan kapal Haji.

Saya tidak-lah mahu berchakap panjang, siapa-kah yang punya, dan sa-bagai-nya berkenaan dengan kapal haji ini, tetapi saya berharap kapada Lembaga Tabong Haji ini hendak-lah kita mengambil satu daya usaha yang bersunggoh² supaya jangan-lah ra'ayat sekarang macham apa yang di-katakan oleh rakan saya tadi, ra'ayat sekarang chukup memberikan keperchayaan kapada Tabong Haji, mereka memuji Tabong Haji, menaikkan imej Tabong Haji, tiba² dengan kejadian yang ta' di-sangka² yang telah berlaku tadi, bermacam² tudohan² yang saya sendiri susah hendak menjawab-nya apabila balek ka-kampong². Jadi bukan-lah Menteri yang hendak kena jawab terok, yang hendak kena jawab ia-lah Ahli² Parlimen, Wakil² Ra'ayat ini yang kena jawab. Macham Menteri tidak susah, mereka semua-nya tinggal di-sini. Tetapi yang kena soal ada-lah kami, mereka bertanya betul².

Kemudian saya dengar juga yang akan datang, sama ada betul atau tidak. Tabong Haji hendak menjalankan kapal terbang-nya

sendiri. Ini akan lebeh kachau bilau lagi, Dato' Pengerusi. Biar-lah sharikat² berlawan antara mereka, kompeni dengan kompeni biar berlawan, kita dapat harga yang murah, ya'ani kalau turun \$400 ada lagi turun \$300 tambang-nya. Jadi yang senang siapa? Orang ramai yang senang. Jadi kalau kita monopoli semua itu, kalau sa-banyak²-nya tambang \$1,000 ta' turun lagi-lah. Jadi saya harap-lah perkara yang sa-macham ini dapat-lah difikirkan oleh Lembaga Tabong Haji dan, saya rasa itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak chakapkan pada petang ini dan saya uchapkan berbanyak terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya chuma hendak berchakap berkenaan dengan B. 1 Pechahan-kepala 2300—Kemudahan Perhubungan. Ini berkenaan dengan Talipon—ia-itu wakil² ra'ayat semua-nya mempunyai talipon, dan bil talipon datang tiap² bulan. Bil talipon itu, kita pula dahulu membayarnya, kemudian recover balek. Jadi wakil² ra'ayat ini ma'alom-lah pergi berjumpa dengan ra'ayat ka-sana ka-mari, masa dia hendak membayar ta' ada, dan kedua-nya duit hendak membayar dahulu pun ta' ada. Jadi berkumpul², sudah sampai-lah \$600-\$700 langsung dia ta' dapat membayar, dia diam. Apabila datang tuntutan Talikom, kalau tidak di-bayar, talipon akan di-potong. Jadi sa-bagai sa-orang wakil ra'ayat hendak di-potong talipon-nya bagaimana? Pertama, malu. Kedua-nya ta' patut. Sa-patut-nya Jabatan Parlimen ini, Jabatan yang bertanggung-jawab bayar dahulu untuk wakil ra'ayat ini supaya talipon mereka boleh digunakan, sedangkan sekarang di-bayar dahulu, kemudian recover balek. Jadi saya harap Jabatan yang bersangkutan ini mengambil perhatian yang chukup² berat di-atas perkara ini, kerana bukan-nya semua wakil ra'ayat ini senang belaka, bukan semua wakil ra'ayat ini kaya belaka. Banyak wakil ra'ayat yang barangkali bergantung kepada elaun sa-lama ini—jalan kaki, makan sambal belachan, makan sayor, kadang² ikan bilis yang di-makan. Barangkali wakil² ra'ayat yang daripada Sabah dan Sarawak bila datang ka-Malaysia barangkali tambang-nya perchuma, dudok di-hotel Batu Road—ta' mampu dengan bayaran \$35 sa-hari.

Jadi dengan sebab itu berkenaan dengan talipon ini Kerajaan mesti-lah menengokkan supaya talipon wakil ra'ayat ta' di-potong oleh Pejabat yang bertanggung-jawab.

Kedua-nya lagi berkenaan dengan B. 7, Pechahan-kepala (2) Bahagian Peranchang Ekonomi. Saya dapat tahu, betul atau tidak, Bahagian Peranchang Ekonomi ini dalam ranchangan-nya akan mengambil pakar² daripada luar negeri untuk satu² perkara ada-lah memakan belanja yang chukup banyak. Kita berkehendakkan pakar, memang kita berkehendakkan orang² yang bagini, tetapi ada orang di-dalam negeri kita yang boleh membuat mithal-nya jalan, kita sudah ada mempunyai pengalaman membuat jalan ini daripada masa penjajah dahulu dan negeri kita terpuji di-dalam Asia ini kerana di-Malaysia ini-lah jalan-nya yang chukup bagus. Jadi kalau hendak ambil pakar² jalan, pakar² untuk menebang kayu dalam hutan, pakar² untuk menanam kelapa sawit mithal-nya, pakar² untuk menanam betek, berchuchok tanam. Kalau pakar² ini di-ambil dengan ta' di-gunakan wang Kerajaan, kalau perchuma ta' menjadi hal. Tetapi kalau-lah di-gunakan wang negara, pakar² ini banyak lagi orang² Malaysia yang boleh di-gunakan untuk menjadi pakar² ini sebab condition dalam negeri ini kita sa-bagai orang Malaysia lebeh tahu lagi.

Jadi berkenaan dengan B. 7, Pechahan-kepala (10) Pejabat Perumahan Kerajaan. Ini saya kata kepada Pejabat atau memberi tahu kepada Kementerian yang bertanggung-jawab memikirkan ia-itu apabila membeli tanah, tanah² itu jangan-lah di-permain²kan oleh orang tengah atau pun membeli tanah yang mahal ia-itu di-tengah² bandar Kuala Lumpur ini sampai \$2 sa-kaki atau \$2.50 sa-kaki oleh kerana rumah² ini bukan sahaja pegawai² tinggi yang akan menggunakannya, tetapi juga pegawai² rendah Division III dan Division IV, maka pegawai² yang meranchangkan perkara ini hendak-lah menengok supaya jikalau boleh mining pool yang lama² atau pun tanah² Kerajaan yang telah di-pergunakan sa-sudah di-lombong, minta kepada Kerajaan Negeri dan di-buat rumah di-situ. Kerana tanah² bagini lebeh murah lagi jika di-beri supaya pegawai² Kerajaan yang mendapat gaji yang murah ia-itu Division III dan IV terutama-nya, kerana pegawai² ini-lah yang mempunyai anak yang banyak sa-kali oleh kerana mereka ini ta' keluar ka-sana ka-mari macham pegawai² tinggi, maka tentu-lah mereka mempunyai anak yang lebeh banyak lagi. Dengan sebab itu, pegawai² ini-lah maka di-pentingkan untuk membuat rumah,

flat² lebeh banyak untok mereka. Jadi itu-lah tegoran saya kapada perkara ini, Tuan Pengerusi. Saya harap tegoran² saya ini dapat di-pertimbangkan.

Tuan Haji Mohd. Chik Johari Majakil (Labuan Beaufort): Tuan Pengerusi, saya suka-lah menyebut dalam Kepala B. 1 Pechahan-kepala 2100 Perjalanan dan Pengangkutan Orang (Travel and Transportation of Persons), bagaimana yang saya tahu, Tuan Pengerusi, Parlimen ini ia-lah "the highest institution in the nation", tetapi saya sangat² hairan kenapa-kah "privilege" atau "prestige" yang di-berikan kapada Ahli² Parlimen ini sangat tidak memuaskan hati. Saya hendak berchakap di-sini kerana kami Ahli² daripada Malaysia Timor ia-itu selalu di-beri kemudahan² rendah daripada pegawai² Kerajaan ia-itu "second class prestige".

Tuan Pengerusi, saya suka shorkan kapada Menteri yang berkenaan ini supaya mengambil perhatian dan menimbangkan ia-itu kami selalu kena beli tiket ekonomi kelas sahaja untok berjalan dalam perjalanan kami dengan kapal terbang dan sabagai-nya. Jadi, ini bukan-lah kami samata² menunjukkan kami mahu dudok di-first class, tetapi apa yang hendak minta supaya "status" Ahli Parlimen ia-itu Ahli the "highest institution in the nation" boleh di-beri moral dan privilege yang sesuai. Dari itu, saya minta-lah pertimbangan kapada Menteri yang berkenaan untok mengkaji perkara ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh rakan saya Ahli dari Kuala Selangor tadi, kami Ahli² dari Malaysia Timor selalu tinggal di-dalam hotel yang paling rendah harga-nya di-Ibu Negara ini. Ini terang sa-kali-lah, kerana di-sebabkan elaun² yang di-beri kapada kami itu tidak menchukupi belanja kami di-sini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya berchakap atas perkara berkenaan dengan Bekalan 4, muka 36, Pechahan-kepala (2) Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar² Pemilih. Perkara ini akan di-bangkitkan tiap² tahun saya perchaya jika tidak di-selesaikan, jika tidak di-baiki, oleh kerana perkara ini sangat-lah mustahak. Sebab² pun perkara ini menjadi bagini, Tuan Pengerusi, ia-lah oleh kerana yang pertama pada

masa hendak menyemak buku daftar undi itu pegawai² yang di-tugaskan untok menyemak daftar buku pengundi itu ada-lah di-beri kapada pegawai² Kerajaan. Ma'alum-lah sa-orang pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat di-pejabat-nya masa luang-nya, masa lapang-nya ia-lah pada pukul 4.30. Pada masa dia keluar daripada pejabat baharu-lah dapat dia tunaikan kewajipannya untok hendak menyemak daftar pengundi itu. Jikalau-lah di-teruskan dasar ini saya perchaya kerja² tidak akan dapat memuaskan sa-hingga bila² masa pun. Saya harap pehak yang berkenaan akan menimbangkan supaya jangan lagi beri tugas kapada pegawai² Kerajaan, sebab mereka sudah pun berkhidmat dengan Kerajaan. Beri-lah peluang kapada penganggor² yang tidak ada pekerjaan itu. Mithal-nya, penuntut² sekolah menengah Tingkatan V pada masa chuti, khas-nya anak² yang miskin supaya dapat mereka jalankan tugas dari rumah ka-rumah dari pukul 8.00 pagi hingga 10.00 malam, mereka dapat berkhidmat dengan baik dan memuaskan dengan di-beri pengelolaan yang memuaskan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya chadangkan untok hendak menyempurnakan daftar pengundi itu, pehak Jabatan Pilihanraya akan keluarkan kad nama² pengundi supaya di-masokkan nama² pengundi dalam sa-sabua rumah itu di-dalam kad itu dan di-lekatkan di-rumah itu sendiri. Pada masa menyemak undi dapat-lah pegawai yang di-beri tugas itu sampai ka-rumah itu semak nama² yang ada di-dalam kad daftar pengundi di-rumah masing². Jadi, biar-lah kad ini ada di-situ sa-lama²-nya. Kalau ada pindaan boleh di-potong, kalau sudah sampai umur 21 tahun hendak menjadi pengundi baharu di-masokkan nama-nya. Ini dapat menyenangkan perjalanan dan pendaftaran pengundi bagi tiap² tahun. Saya harap pehak berkenaan akan timbangkan atas shor dan pandangan saya ini.

Tuan Pengerusi, saya berchakap sekarang Kepala B. 9 ia-itu Gaji dan Upah (Salaries and Wages) Kod 2100, Aktiviti (2), (3) dan (4). Mahkamah Tengah, Mahkamah Seshen dan Mahkamah Rendah. Tuan Pengerusi, pada masa sekarang ini kita dapat

terlampau banyak sangat kes yang ditangguh sa-hingga 6 bulan lama-nya sa-hingga sa-tahun pun ada oleh kerana kekurangan Pengadil dan Hakim. Jadi, saya berharap pehak Kerajaan akan mengambil Hakim² dan Pengadil² supaya mengisi tempat² yang kosong supaya kes² ini dapat di-selesaikan dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai saksi² yang terpaksa memberi keterangan di-mahkamah. Saya harap pehak yang berkenaan akan timbangan supaya saksi² ini diberi layanan yang lebih baik sedikit. Kalau kita ada di-mahkamah manakala saksi itu terpaksa beri kenyataan kita dapat saksi itu sa-olah²-nya orang salah duduk dalam witness box itu. Kalau dapat peguam yang bijak di-soal sa-hingga sa-hari dia kena berdiri dalam witness box itu. Jadi, saya harap pehak Kerajaan akan ubah sedikit, beri-lah kerusi kepada saksi² yang ada dalam witness box itu supaya dapat mereka itu dapat sempurnakan kenyataan yang akan di-beri-nya.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya dapat perkara ini telah pun di-bangkitkan ia-itu Pengadil dan Hakim² manakala membichara kes² mereka itu terpaksa-lah menulis segala rekod². Molek-lah kita ubahkan chara ini pada satu chara yang baik yang menggunakan tape recorder, atau pun menggunakan jurutaip, atau pun jurutrenkas supaya kerja Hakim itu kurang daripada yang ada sekarang ini, kerana sa-orang Pengadil dan sa-orang Hakim itu hendak kena ingat apa yang di-chakapkan dan dia juga terpaksa menulis. Jadi ini akan merosakkan pemikiran-nya dan kadang² tidak dapat dia menjalankan kewajipan-nya dengan sa-penoh-nya. Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya berchakap sambil menyokong Bill yang ada di-hadapan kita ini dengan ringkas sahaja; dua perkara ia-itu B. 4 di-muka 36 dan B. 7. B. 4 berhubung dengan Surohanjaya Pilihanraya pun telah di-katakan oleh Yang Berhormat rakan sejawat saya. Saya chuma hendak memberi satu perhatian kepada Kerajaan bahawa chara sistem memberi borang² kepada parti politik itu hendak-lah di-benhentikan. Ini mendatangkan satu kesusahan kepada mereka yang berhak boleh mendaftar undi. Kadangkala sa-tengah parti politik itu

di-bekukan-nya borang² itu, umpama kalau parti politik dalam bandar di-beku-nya borang itu. Kerjasama dengan pegawai penyemak pendaftaran itu tidak dapat pengundi luar bandar mendaftarkan. Jadi, perkara yang macham ini kira-nya kalau parti² politik hendak menolong pegawai² ini di-minta pegawai² itu dan Ahli Parti Politik itu bersama dengan pegawai menunjokkan siapa yang berhak boleh mengundi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya meminta kepada jabatan itu supaya mengkaji balek bahawa pengundi² yang warga-negara melalui permohonan dari sekarang hendak-lah di-gantong. Pada masa pilihan-nya akan datang mereka tidak di-benarkan lagi mengundi, hanya yang ada sekarang diteruskan, sebab-nya, Tuan Pengerusi, saya membuatkan hujah ini pertama sa-kali bila kita tengok parti² Pembangkang itu yang telah kita saksikan pada petang sa-malam bahawa Rang Undang² Belanjawan yang dikehendaki oleh negara ini mereka menentang. Pada hal wang yang kita hendak gunakan ini kerana pertahanan negara, kerana pembangunan negara kerana ra'ayat. Tambahan pula, Tuan Pengerusi, parti² Pembangkang ini berupa parti yang kurang ta'at setia kepada negara ini.

Yang ketiga-nya, kita pandang an-chaman² kominis itu berleluasa di-dalam negara kita ini sampai masok ka-bandar² di-Perak dan Kedah. Hal ini, Tuan Pengerusi, kita gantungkan kepada mereka yang berhak pada masa akan datang ia-itu ra'ayat melalui permohonan. Itu di-gantungkan. Sama ada boleh di-buat, Tuan Pengerusi, ini ala-Malaysia dengan tujuan kita supaya Rancangan Ekonomi Baharu itu dapat dilaksanakan.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya menyentoh dalam B. 7 Jabatan Perdana Menteri. Saya mengharapkan supaya Jabatan ini memikirkan, kita patut mencari satu hari kelepasan besar kebangsaan. Kita ada Hari Raya tiap² tahun, tetapi kita patut ada satu hari besar kebangsaan. Jadi dengan ada-nya Hari Raya, hari kebesaran yang sa-umpama ini, saya memahamkan Tuan Pengerusi, dapat-lah memberikan perpaduan kepada semua ra'ayat daripada berbagai kaum dalam negeri ini dan saya mengshorkan hari yang saya katakan hendak menjadikan hari kebesaran kebangsaan itu, hari Safar. Jadi Hari Safar itu kita jadikan hari kebesaran

kebangsaan dan hari Safar ini memang diterima oleh semua masyarakat dalam negeri ini, mereka mahu bersuka ria dan berehat² dalam hari yang tersebut.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, banyak juga telah di-chakapkan oleh rakan² sa-jawat saya, saya mengharapkan bukan sahaja Majlis ini bekerja kerana Mubaligh Islam dan tugas² yang ada sekarang tetapi, kalau boleh, di-semak dan di-kaji sa-mula dan meminta kerjasama dengan Majlis Ugama tiap² negeri supaya membaiki dasar nikah umat² Islam, tidak-lah bagaimana sekarang, Tuan Pengerusi, hanya seperti kertas yang sa-macam ini pada hal perkara daftar nikah ini ada-lah satu perkara yang penting. Saya mengharapkan supaya Majlis ini mengkaji balek, di-buatkan daftar nikah itu satu buku macham Paspot Antarabangsa. Di-tuliskan, di-berikan gambar, di-letakkan gambar pengantin lelaki, pengantin perempuan dengan ayat² Qur'an-nya dan ini boleh di-simpan berapa lama dan ini juga Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini boleh dapat hasil daripada Paspot yang saya katakan tadi—Paspot Nikah Kebangsaan kita. Dengan ada-nya lambang negara kita, dengan ada chap mohor Raja² akan menjadi satu benda kebangsaan kepada ra'ayat Malaysia, tidak-lah seperti mana sekarang, Tuan Pengerusi, hanya kertas yang begitu, saya pandang ringan sangat dan orang² yang sa-macam kita, sudah nikah ini, Tuan Pengerusi, boleh juga mendaftarkan kad nikah itu dengan gambar² yang baharu untuk ingatan anak² kita masa yang akan datang.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Lembaga Urusan Tabong Haji. Saya mengharapkan sa-lain daripada kenderaan yang ada sekarang, kapal laut, kapal udara supaya Lembaga ini mengurus dengan MARA mengadakan kenderaan membawa bakal² haji ka-mekah melalui bas. Kalau tidak ada Lembaga ini mengadakan bas sendiri kita boleh berhubung dengan bas MARA. Sebab ini ada satu kemudahan dan menjadikan satu minat kepada bakal² haji kita yang gemar menunaikan fardhu haji melalui bas sa-bagaimana yang saya chakapkan tadi. Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentoh juga berkenaan dengan B. 4 dan B. 7, muka surat

38 ia-itu sama juga seperti sahabat² lain berchakap mengenai dengan Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Pengundi².

Saya hanya-lah satu perkara sahaja hendak menyentoh dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, ia-itu tentang ada-nya ra'ayat dalam negeri ini yang chuba mendaftarkan diri sa-bagai pengundi lebeh dari sa-tempat. Perkara ini, Tuan Pengerusi, di-dalam masa pilihanraya tahun 1969 saya telah pun melaporkan kepada Surohanjaya Pilehanraya apabila di-dapati di-kawasan saya terdapat orang yang mendaftarkan nama-nya sa-bagai pengundi lebeh dari sa-tempat, arti-nya dalam satu hari pilihanraya dia boleh pergi mengundi dua tiga kawasan pilihanraya. Maka jawapan yang saya terima dari pehak Surohanjaya Pilehanraya: terima kaseh, dia kata, dan tolong-lah bersama² dengan pegawai² pilihanraya memerhatikan supaya orang ini tidak dapat mengundi lebeh daripada sa-kali.

Tentang mereka mendaftarkan lebeh dari sa-kali itu, apa boleh buat, kata Surohanjaya Pilehanraya, chuma kita tengokkan jangan dia mengundi lebeh dari sa-kali sahaja.

Tuan Pengerusi, saya fikir kalau ini-lah berjalan terus-menerus sudah tentu akan memberi satu galakan kepada orang² yang chuba hendak berjaya dalam pilihanraya menerusi satu saloran yang agak kurang sehat dalam negeri ini menggalakkan pengikut²-nya supaya mendaftarkan beramai² lebeh dari satu tempat kerana tidak ada-nya tindakan. Hanya-lah Surohanjaya Pilehanraya meminta orang yang tahu mengawasi sahaja supaya orang itu tidak mengundi lebeh dari dua kali. Tetapi kalau kita tidak sempat mengawasi, Tuan Pengerusi, sudah tentu terdapat orang yang mengundi lebeh dari dua kali. Kalau dalam satu kawasan pilihanraya sempat-lah kita mengawasi tetapi kalau dia mendaftarkan diri di-Trengganu pun ada, di-Kelantan pun ada, di-Pahang pun ada, maka pada hari mengundi itu chuma kejarkan dengan kereta atau kenderaan yang agak special-lah barangkali dia boleh mengundi dalam 3 buah negeri pada masa itu tidak-lah sempat kita hendak mengawasi dia lagi. Jadi, Tuan Pengerusi, saya fikir barangkali Menteri yang berkenaan akan menjawab, tolong beri kenyataan yang tepat.

Untuk perkara ini, Tuan Pengerusi, kenyataan yang tepat telah pun saya berikan dalam tahun 1969 kepada Surohanjaya Pilehanraya di-negeri Trengganu, tetapi jawapan yang saya terima seperti yang saya katakan tadi, tindakan-nya tidak ada malahan dia meminta kita yang melapor-nya pula tolong menjalankan kerja dia ia-itu mengawasi apa yang dia tidak dapat awasi.

Kemudian B. 7, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh bahagian baharu yang di-tubuhkan di-Jabatan Perdana Menteri ia-itu Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Penilaian. Saya di-fahamkan bahawa bahagian ini mempunyai 6 tujuan yang besar: Pertama ia-lah memerhatikan dan mengikuti perkembangan pelaksanaan ranchangan pembangunan yang kedua, mengesan dan menchari kesulitan² yang di-hadapi dalam melaksanakan ranchangan pembangunan. Yang ketiga, bertindak sa-bagai jentera ko-ordinasi di-perengkat pegawai² bagi Kementerian dan Jabatan termasuk Badan² Berkanun. Yang keempat, menilaikan pelaksanaan ranchangan² pembangunan. Yang kelima, menyelenggarakan bilek gerakan negara termasuk bilek gerakan Perdana Menteri dan yang akhir sa-kali ia-lah menyelenggarakan Meshuarat Jawatan-kuasa Kerja Majlis Tindakan Negara.

Mengikut perangkaan yang ada di-dalam buku bekalan ini, Tuan Pengerusi, pada tahun ini di-sediakan pegawai sa-ramai 23 orang dan di-beri peruntukan, kalau tidak silap apa yang saya jumlahkan di-sini ia-lah kira² \$900,200—erti-nya hampir \$1 juta mengenai seluruh pekerjaan yang berkaitan dengan bahagian ini.

Kapada saya, Tuan Pengerusi, bahagian ini ada-lah merupakan bahagian yang terpenting dalam pelaksanaan ranchangan pembangunan di-negara kita ini dan mengikut anggaran kasar atau pun pelaksanaan yang di-jangka bagi tahun 1972, banyak saya nampak di-sini, saya chuba mengambilkal dua tiga yang penting ia-itu nampak-nya bahagian ini akan membuat lawatan kerana penyelarasan di-negeri² sa-banyak 200 kali, menyediakan untuk meshuarat bagi menyelenggarakan kegiatan² Jabatan² Kerajaan dan Badan² Berkanun sa-banyak 156 kali, menyediakan Kertas² perbinchangan untuk Jabatan Kerajaan dan Badan² Berkanun ada 200—barangkali 200 kertas kerja, menyediakan laporan tentang pelaksanaan Perkara

153 Perlembagaan di-chadangkan sa-banyak 206 laporan dan menyediakan kertas tentang laporan perdagangan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sa-banyak 52 laporan.

Tuan Pengerusi, dari pengalaman yang memang ada kapada Kerajaan sa-sudah melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama, tentu banyak masalah² yang di-sungutkan oleh ra'ayat tentang sedikit sa-banyak kegagalan yang berlaku dalam pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dan bagi ra'ayat negeri ini yang benar² chintakan kapada Kerajaan Perikatan yang ada hari ini, kechuali pehak Pembangkang. Mereka ini lebeh menaruh harapan kapada bahagian ini, ia-itu Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Penilaian ini supaya berusaha dengan sa-berapa yang boleh mudah²an kesilapan² yang berlaku itu tidak akan berulang lagi kerana kalau dalam pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dahulu kita kata tidak ada bahagian ini, maka boleh jadi kesilapan itu berlaku. Jadi, sekarang bahagian ini sudah ada dan di-pertanggung-jawabkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kapada sa-orang pegawai untuk mengetuai bahagian ini yang kata-nya: "Ini-lah pegawai yang sa-habis² bagus di-pilih dari kalangan pegawai", maka di-berikan-lah tugas itu kapada pegawai ini. Saya menaruh keperchayaan bahawa apa² yang di-katakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu betul, chuma apa yang saya bimbang oleh kerana pegawai ini pun manusia biasa, jangan-lah pula keperchayaan dan harapan yang di-beri oleh Perdana Menteri kapadanya untuk mengendalikan 22 orang lagi pegawai di-bawah tadbir tidak dapat menjalankan kerja dengan memuaskan.

Sekarang ini, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang kita tahu bahawa di-dalam tanah ayer kita ini di-tubuhkan suatu Biro yang di-namakan Biro Pengaduan. Saya di-fahamkan sejak Biro ini di-tubuhkan sahingga-lah ka-hari ini, bertimbun², berpuluh² ribu pengaduan menchurah datang ka-Biro ini dan jikalau kita ingin mengetahui sa-jauh mana kebaikan pelaksanaan pentadbiran Kerajaan pada hari ini, atau pun sa-jauh mana keburukan yang ada di-dalam pentadbiran Kerajaan kita hari ini, kita pergi ka-Biro Pengaduan ini, kita akan jumpa. Pendek kata tidak ada benda yang tidak

di-sukai oleh orang ramai yang tidak dilaporkan kepada Biro ini sa-hinggakan kadang² benda yang ta' patut di-laporkan pun di-laporkan juga oleh ra'ayat kerana tidak tahan ra'ayat menanggung dengan keseksaan yang ada kepada-nya, maka tempat yang dia hendak menchurah perasaan hati ia-lah ka-Biro Pengaduan ini. Jadi, dengan sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, saya menyeru kepada pegawai² yang ada di-dalam Bahagian Penyelarasan, Perlaksanaan dan Penilaian ini supaya berhubung rapat dengan Biro Pengaduan ini bagi membolehkan mereka mengetahui dengan sa-benar²-nya apa-kah perasaan yang ada kepada ra'ayat, apa-kah harapan yang benar² di-kehendaki oleh ra'ayat. Kalau ini, Tuan Pengerusi, dapat di-laksanakan, saya menaruh harapan dan menaruh kepercayaan bahawa hasrat Kerajaan menubuhkan Biro Pengaduan dan menubuhkan Badan Bahagian Penyelarasan, Perlaksanaan dan Penilaian di-Jabatan Perdana Menteri ini akan memberi menafa'at yang besar kepada ra'ayat negeri ini dan keutuhan Kerajaan Perikatan akan bergantong sa-takat mana pegawai² yang ditugaskan di-dalam bahagian ini dapat menjalankan tugas-nya. Kalau di-dalam bahagian ini ada sabotaj, tetapi saya harap barang di-jauhkan, Allah, maka akan lingkop-lah Kerajaan kita yang ada pada hari ini. Jadi, sa-takat itu-lah, Tuan Pengerusi, dan pada akhir-nya saya menyokong Rang Undang² Perbekalan yang di-bawa ka-dalam Jawatan-kuasa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, in respect of B. 9, Kod 1100, item (4), on page 57, I would like to touch on the salaries of Magistrates and Interpreters. Under the old scheme, that is, before the Suffian Report was adopted, Magistrates used to get a basic salary of \$592 plus a cost of living allowance of \$134 and a housing allowance of \$120, thereby making up a total of \$846 per month. Under the Suffian Report, Magistrates only get an initial all-in salary of \$750 per month, which is \$96 short of the \$846 which they formerly used to receive. However, the annual increment under the Suffian Scheme is \$50 when compared with the old increment of \$34 plus cost of living allowance of \$14, which makes it \$48 per year. So the net result is that in so far as the increment is concerned, the Magistrates now will get \$2 per year more

than what they used to get under the old scheme. Thus the Magistrates in this country feel that they have been sadly neglected and are receiving only an increase of \$2. Consequently, so many Magistrates have resigned from Government Service every year.

In view of the fact that the jurisdiction of the Magistrates has been extended in civil cases from \$1,000 to \$2,000 and the Magistrates have now to hear cases which formerly were heard by Presidents, I feel that the salaries of Magistrates are totally inadequate. Furthermore, the Magistrates, to keep up with the dignity of the post they hold, are expected to maintain a certain amount of status as well. This they may find it difficult to do without additional income coming in by way of bribes, etc. Once they fall into this trap and start accepting bribes, the amount of money they can make for themselves is incalculable and so is the amount of damage that can be caused to the administration of justice.

In fairness to the young Magistrates who are starting life after struggling through a difficult and strenuous period to get themselves qualified in law, I would suggest that an initial all-in salary of \$1,000 per month for a Magistrate with an increment of \$50 per year will not be considered too high in view of the new added responsibilities the Magistrates are asked to shoulder. This \$1,000, I am sure, would not also be too much when we consider the initial revised salary of the High Court Judges, which are as follows. The Judges of the High Courts in Malaya get \$3,750 per month, leaving the Chief Justice and the Lord President who get much more than this. In addition to this, Judges of the Federal Court and the High Courts have got an entertainment allowance of \$250 per month. And Judges of the Federal Court and the High Courts are also provided with a car by the Government, the value of which does not exceed \$14,000, but, of course, the petrol, oil and lubrication shall be borne by the Judges. There is also a driver's allowance for Judges and they are paid \$150 per month.

Parliament has rightly increased the salaries of these Judges who after years of sweat, hardwork and experience have come to occupy these positions. So let us also have some sympathy on the poorly paid Magistrates and increase their basic salary to

\$1,000 per month so as to enable them to maintain the dignity of the Bench and so as not to make them fall victims of bribery and corruption and tarnish the good name of the Judiciary.

Now, coming to Court Interpreters, I feel they are also a sadly neglected lot. They are unable to properly present their cases before the Magistrates because the Magistrates themselves are disappointed and are sad about their whole lot and fate. Many of these Court Interpreters have not only to interpret and translate documents, but they also have to do the work of financial clerk, correspondence clerk, despatch clerk, typist, bailiff and in one or two cases may even have to sweep the court rooms as well in far away distant courts. While other services in the Government have obtained upward revision of their salary scales in various stages in the past, the Interpreter Service has never had an upward revision whatsoever in spite of repeated request from them since the Benham Report on Salaries published in 1952. The frustration and plight of Interpreters are evidenced by the fact that a great number of them left the service, thus resulting in the present acute shortage of Interpreters. However, after the Suffian Scheme came in, by conversion to this scheme, most Interpreters' take-home pay is found to be less than what they had previously drawn. For example, under the previously existing scale the basic salary was \$336, the pensionable language allowance was \$291, housing allowance \$70 and COLA \$115, thus making it in all \$812. After conversion their clean wage is \$475, the non-pensionable language allowance is \$291, thereby making a total of \$766 and bringing to them a net loss of \$46. I therefore hope that the Honourable Minister will look into their plight and ask for an increased pay to alleviate the sufferings and hardship of the Magistrates and the Court Interpreters. Thank you, Sir.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentoh dalam B. 7 nombor 1100, No. (6) Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam. Tuan Pengerusi, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini, kalau kita bacha dalam buku ini tugas-nya yang saya lihat yang besar sa-kali untok melihat anak bulan, untok hendak puasa dan hendak berhari raya, walau pun kemudian daripada itu, disamping memberi apa bantuan, Majlis akan

juga mengadakan persidangan bagi Jawatan-kuasa Majlis dan Jawatan-kuasa Fatua diseluruh negeri dalam Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini, saya berpendapat amat-lah baik dan patut-lah di-adakan, muga² dengan ada-nya Majlis ini penadbiran ugama Islam sa-bagai ugama rasmi dalam negeri kita ini dapat sesuai dan dapat di-prektikkan dengan baik. Tetapi di-sa'at yang akhir² ini, Tuan Pengerusi, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini agak-nya di-dalam memberi fatua² bersangkutan-paut dengan hukum² Islam ini mengelirukan kedudukan yang sa-benar-nya. Mithal-nya, Tuan Pengerusi, baharu² ini pada masa puasa lepas, dan pada Hari Raya yang lepas, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Kedah tidak berpegang, tidak tegas di-dalam pegangan-nya kepada apa hisab-kah yang menentukan awal puasa, atau pun ru'yah-kah menentukan awal Hari Raya. Maka dengan itu, Tuan Pengerusi, berbangkit-lah pechah-belah keseluruhan sa-tengah² umat Islam dalam Malaysia ini.

Yang kita tahu, Tuan Pengerusi, dalam negeri Kedah banyak orang raya pada hari kalau tidak salah pada hari Sabtu tidak merayakan pada hari Juma'at, oleh kerana tidak tegas-nya Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini sebab kalau-lah tegas, kalau hendak dengan ru'yah biar-lah ru'yah, Tuan Pengerusi. Kalau dengan hisab biar-lah hisab. Sebab ugama Islam ini, Tuan Pengerusi, tidak boleh-lah hendak dimodenisekan. Ini-lah yang saya ingin diperingatkan dan ingin menyentoh sadikit sa-banyak dalam Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam.

Dan satu lagi, Tuan Pengerusi, nampak-nya Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada hari ini di-dalam memberi fatua²-nya bersangkutan paut dengan Islam ini telah lari daripada kebiasaan, atau pun prinsip yang di-pegang oleh umat² Islam di-dalam negeri Kedah ini. Jangan lupa, Tuan Pengerusi, bahawa kita umat Islam dalam negeri kita ini berpegang kepada Mazhab Shafie. Jadi kadang kala-nya fatua² yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini sa-tengah²-nya tidak-lah bagitu berpegang kepada Mazhab Shafie dengan kerana itu maka terjadi-lah pechah-belah apa yang di-harapkan, Tuan

Pengerusi, kita mengadakan Majlis ini untuk menyatu-padukan hal ehwal keadaan Islam dan hukum² Islam. Itu-lah sedikit sa-banyak, Tuan Pengerusi, apa yang saya bangkitkan dalam bab ini. Terima kasih.

Tuan Walter Loh Poh Khan (Setapak): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to refer to B. 3 and B. 14; B. 3, page 33—Salaries and Wages amounting to \$3,462,600, in particular to Item (2): Audit of Accounts of the Federal and State Governments and Item (3): Local and Statutory Bodies.

Mr Chairman, Sir, you will note that the Audit Department has, I would say, a lot of inexperienced people—although they have got some experienced people who have little or no knowledge of auditing and I hope the Ministry will employ more qualified and experienced persons to do the job. Why I say that, Mr Chairman, Sir, is because many departments had many accounts unaccounted for. As a result, there were many losses in the various departments particularly the stock of small and valuable items. Now, the heavy losses, many people do not realise, are scraps, particularly scrap which is of no value to many people, but if you look deeply into it, the price of one ton of iron scrap is only \$100 but that of one ton of copper scrap is \$2,000. If no proper audit or proper system is kept, a ton of copper scrap can be sold or taken out from the Store as a ton of iron scrap. Therefore, the difference of \$1,900 will have gone to somebody else's pocket. A very stringent system must be kept in order to check this. There are many scrap dealers, whom I do not want to mention, who have been doing this type of business with some of the people. As a result, the auditors in the Audit Department put up reports and many such reports were not put into effective practice and they continued writing them year after year.

Another point is the ordering of goods or stock or, what you call, parts of machinery. Now, many departments ordered more than they should order like, for example, spare parts. As a result, when the new machine is brought in, the parts which are considered to be new for the other machine, become obsolete. Therefore the spare parts have to be written off as obsolete and there is a wastage of money in not having a proper anticipation of ordering spare parts. As a

result we have to scrap the spare parts which are obsolete but still new. It is a complete wastage of public funds: or, if the spare parts are kept too long, they deteriorate and cannot be used. So, a proper system also must be devised in order that these types of spare parts must be properly ordered so that there is no wastage in future.

If you look back at the Audited Accounts of the various Government Departments since the last ten years and see the amount of unaccounted-for expenditure or write-offs, it will be very surprising and shocking and yet the Government has not taken serious steps to check these losses. If only the original Auditor's Report is presented to this House, you will see how much of truth can be revealed. You will recall previously, in the press Report, that the Education Department had \$10 million unaccounted for and the Railway had \$3 million worth of spare parts which were obsolete, which could not be used because of new railway engines having been ordered. This sort of thing, we must check.

Mr Chairman, Sir, if you refer to B. 14, page 113 to 117, I observe that there are many repetitions of the items for Registration of Companies in the Trade and Industry Department. That is on page 113, No. 6, page 114, No. 6, page 115, No. 6

Tuan Pengerusi: Are you referring to B. 14?

Tuan Walter Loh Poh Khan: Yes.

Tuan Pengerusi: We have not gone to B. 14.

Tuan Walter Loh Poh Khan: I am sorry, Sir, I beg your pardon.

Tuan Pengerusi: Now we only discuss up to B. 12.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Sir, I refer to Head B. 9, Judicial. Mr Chairman, Sir, formerly, we had a separate Department known as the Ministry of Justice, and that, unfortunately, had been abolished some years ago and in view of the many problems faced by the Courts and the Judicial Service, I hope Government will consider re-establishing such a Department, i.e., the Ministry of Justice. The problems I am going to raise are mainly these.

Sir, one or two years ago, there was a very, very big acute backlog of cases, particularly civil cases; and a year or two ago, it would take, on the average, about three to four years to dispose of a civil case and at present the administration of justice has been slightly more efficient and still it takes about two or three years to dispose of a civil case. Mr Chairman, Sir, I say that this situation is not satisfactory enough. The administration of justice should be made more efficient and to do that—it is very simple—the Government need only to appoint more Judges and more Presidents and more Magistrates because, if we do not do such a thing, then the backlog of cases is bound to be there because of the increase in population, of the increase of people, and of people becoming more and more litigation-minded today. That is why there is this backlog of cases which must be dealt with immediately by the Government.

Furthermore, there is also a shortage of interpreters. The interpreters today are being called upon by, say the Land Office, the D.O.s or the A.D.O.s to do some interpretation work. For instance, the D.O. in the district is the Chairman of the Rent Tribunal and at times, for a Rent Tribunal case, the D.O. has to call upon the court interpreter to come along to interpret for the Tribunal. Now, in such a case, the Court itself is short of an interpreter for that particular day, so that cases in courts cannot be heard if the Court interpreters are not around.

Sir, in Ipoh, for instance, a Magistrate has sometimes to cover three Courts in one day. He has got to go to, say, Batu Gajah, to dispose of some cases and come back to Ipoh Court and he has got to go to another Magistrate's Court in Ipoh, for a criminal case, for instance, and thus a Magistrate who has to cover three Courts in one day, will not be able to do anything more than just mentioning the cases, that is to say, postponing all the cases. So, I hope the Government will take an urgent view of this matter and will improve the machinery of the Justice Department.

Sir, at the moment, the law books particularly pertaining to our own laws, are out of print and out of stock. The Ordinances, particularly, cannot be obtained and this situation has been existing for the past 15 or more years. It is not an immediate problem

or rather it is not a present problem; the problem has been existing in the country for the past 15 years or more and the Government has, of course, in the last few years, embarked upon the project to reprint certain Ordinances. Yes, it is a very good thing but the speed is far too slow. In a year, the Government has been able to reprint only three or four Ordinances and that is far from satisfactory because in our country today, Sir, we have got hundreds or thousands of Ordinances out of print, thereby a lawyer has got to run up and down to hunt for the Ordinances in order to be able to cite them in Court. I hope the Government will utilise the money set down—I understand it is \$1.5 million—to buy more books or to print more books.

Thirdly, Sir, as I have said before, the Court houses are in very bad shape. They are in shambles and if, Sir, you go to the Ipoh Magistrate's Court Building upstairs you can hear the sound of creaks and so on. It is very bad and if, say, more than two hundred people go to that particular Court, it might collapse. It is a danger to life and health; I have been there and I had to walk very slowly. It is a fact, Sir. Furthermore, there are not enough chairs in the courts. In one particular court, there are only about six or seven chairs and those chairs are also without cushion or without rattan. They are all spoilt and in this court you see sometimes twenty lawyers and those lawyers have got to force themselves sometimes to sit in the dock, which is ridiculous. Sir, this situation is very bad and I hope the Justice Department or the Prime Minister or perhaps the Lord President should look into it.

Sir, Judiciary is very important to our country. To a developing country especially it is very important; it is a very important institution in a democratic country and we have got to build that institution up. I hope the Government will take a serious view of all these problems. Thank you, Sir.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka-lah mengambil bahagian sedikit dalam Bekalan 1, ia-itu Parlimen. Suka-lah saya menyuarakan dalam Dewan yang berbahagia ini, ia-itu perbelanjaan kerana mengurus dan menadbirkan hal² berkaitan dengan Persidangan Dewan Ra'ayat kita akan berbelanja lebih kurang \$3.3 juta.

Jadi, saya harap-lah dalam Persidangan² Parlimen patut-lah di-beri kesempatan yang sa-wajar-nya kepada anggota² yang di-sabelah sini supaya dapat menyuarakan hasrat ra'ayat kerana datang-nya kita ka-dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, bukan-lah untuk mencari publicity sahaja atau untuk di-siarkan dalam mass media. Kalau demikian-lah motif-nya kita datang ka-mari saya kesal-lah, sa-olah² kita telah menurunkan darjat Dewan kita ini kepada perbualan di-kedai kopi sahaja, chuma beza-nya bila kita berbual di-hadkan dan bila sa-orang berchakap orang lain tidak boleh berchakap. Jadi, ini saya harap benar² supaya di-beri pertimbangan yang sa-wajar-nya orang² yang di-sabelah sini di-beri-lah kesempatan menyuarakan hasrat² mereka.

Berkenaan dengan B. 7, ia-itu Jabatan Perdana Menteri. Satu daripada tujuan² Jabatan Perdana Menteri ini ia-lah berkenaan dengan mengator Kabinet dan Perlembagaan. Itu pun tadi rakan saya telah menyuarakan berkenaan dengan Rukunegara. Agak aneh juga yang kita ini di-suroh mengikut apa yang telah di-rukunkan, ia-itu lima perkara tadi, tetapi saya rasa kalau hendak lebeh effective, lebeh berkesan, amat-lah baik jika perkara ini dipersembahkan kepada Majlis Raja² untuk di-jadikan satu mukaddimah atau pra-kata di-dalam Perlembagaan kita atau pun menjadi satu charter supaya dapat kita ikut dengan penoh ta'at setia, walau pun ada perkara Rukunegara itu tidak dapat kita setujui sa-penoh²-nya, tetapi jikalau di-bawa ka-dalam sidang ini saya rasa perkara ini boleh-lah di-perbahatkan sa-masak²-nya dan di-jadikan satu fundamental bagi identity Malaysia ini.

Yang kedua-nya berkenaan dengan adat istiadat dalam Jabatan Perdana Menteri. Rasa saya dan Dewan ini pun bersetuju kita telah menjadikan Islam itu sa-bagai agama negara kita, bukan-lah agama rasmi, ia-itu agama negara sahaja, maka molek sa-kali tiap² adat istiadat yang hendak kita jalankan biar-lah sesuai dengan agama kita. Saya ta' suka menyebutkan rasmi, chuma yang kita negarakan. Kemudian satu daripada tujuan² Jabatan Perdana Menteri itu ia-itu-lah Bahagian Peranchang Ekonomi dan ini tentu-lah, menurut kata buku ini, dia ada bekerjasama dengan Perbendaharaan dan Kementerian² yang lain. Apa yang saya tahu tujuan budget kita ini ia-lah satu-nya, untuk

melaksanakan ranchangan² untuk bumiputra mengambil bahagian yang lebeh pesat, lebeh kuat di-dalam ekonomi negara kita ini. Apa yang saya tahu, Tuan Pengerusi, ada satu sharikat bumiputra yang hendak menubuhkan bank di-negara kita ini dan sharat² yang di-kehendaki ada-lah saya rasa boleh di-penuhi, tetapi malang-nya permintaan itu tidak dapat persetujuan dengan alasan konon-nya, di-negara kita ini telah banyak bank. Saya aku² dalam negara kita ini banyak bank² swasta, tetapi rasa saya bank yang di-punyai oleh bumiputra belum ada lagi. Apa-lah salah-nya jika permohonan itu di-kabulkan oleh pemerintah kita.

Kemudian dari itu, berkenaan dengan Majlis Hal Ehwal Ugama, banyak-lah yang telah di-perkatakan, tetapi suka-lah saya menyentoh sadikit, ia-itu Majlis ini patut benar-lah menambahkan usaha-nya untuk memperkembangkan da'awah, tetapi di-samping itu patut sa-kali Majlis ini mengambil berat dalam perkara² harakat² atau movement, gerakan² yang sedang berkembang di-tanah ayer kita ini, yang chuba hendak merosakkan ugama kita, bukan sahaja Ugama Islam, tetapi ugama lain, umpamanya Gerakan Bahai yang sedang berkembang di-tanah ayer kita ini. Walau pun pada lahir-nya ia-lah untuk keharmonian dan untuk keperimanusiaan, tetapi jika di-kaji sa-dalam²-nya movement ini ada-lah satu brain-child daripada gerakan international yang hendak merosakkan atau menggonchangkan keperchayaan dan berugama, baik pun Ugama Islam, mahu pun Kristian, mahu pun ugama² lain. Maka sudah sa-wajar-nya wang yang akan kita belanjakan beratus² ribu ringgit itu untuk Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini mengambil perhatian yang berat supaya chuba menyekat gerakan² yang hendak merosakkan ugama yang ada di-dalam negeri kita ini, sesuai dengan Rukunegara kita yang pertama, ia-itu Keperchayaan kepada Tuhan. Sekian.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana saya akan menyentoh Kepala B. 7 dan B. 8 Muka 43 dan Muka 54. Saya sangat-lah hairan memandangkan ia-itu di-Kementerian ini ada banyak jawatan Tingkatan Tertinggi jika di-bandingkan dengan jawatan Tingkatan biasa, maksud saya di-sini bukan-lah saya menyuruh jawatan Tingkatan Tertinggi itu di-berhentikan sa-kali. Tetapi kalau

dapat di-tukarkan ka-Jabatan² yang lain. Saya suka-lah memberi contoh, atau pun menerangkan lagi supaya dapat saya membayangkan tujuan saya.

Tuan Pengerusi, kebanyakan masalah² timbul-nya daripada kampung² di-luar bandar, semua-nya di-tujukan kepada Pejabat Daerah di-mana Pegawai² Daerah akan mengemukakan kepada pehak² yang berkenaan untuk di-kaji dan di-siasat. Adalah di-perhatikan Pejabat² Daerah, atau pun daerah² yang kecil ia-itu kebanyakan Pegawai Daerah ia-lah chuma pegawai yang ada dalam Tingkatan biasa sahaja, tetapi tanggung-jawab mereka ini ada-lah sangat berat kerana pegawai ini bukan sahaja menentukan hal tanah, tetapi soal Majlis Bandaran, Majlis Tempatan, Kewangan, Kaki-tangan dan lebeh² lagi meshuarat dan mengiring orang² kenamaan yang melawat daerah-nya untuk pembukaan itu dan ini. Jadi kalau kita bandingkan dengan kedudukan Pegawai Daerah ini juga pegawai² di-jabatan² yang lain ia-itu Superscale officers yang ada di-Kementerian ini saya perchaya tugas mereka ini sangat-lah kecil. Jadi apa-lah salah-nya kira-nya Superscale appointment itu di-berikan kepada Pegawai² Daerah dan juga kepada Jabatan² yang lain.

Berthabit dengan ini juga, Tuan Pengerusi, suka-lah saya menyatakan di-sini, ia-itu saya dengar banyak pegawai² kita di-Kementerian², Jabatan² yang telah ta' puas hati oleh sebab banyak mereka itu dilampau² oleh pegawai² yang muda, kerana pegawai² muda ini telah di-katakan "yang pandai", "yang chekap" telah meningkat beberapa pegawai yang lama bekerja dan berkhidmat dengan Kerajaan. Jadi sama ada benda ini mengikut merit atau pun mengikut kepandaian pegawai² itu, boleh jadi pegawai itu makin rapat dengan Menteri dan sa-bagai-nya, atau pun dengan Ketua Jabatan masing², pegawai itu telah di-naikkan pangkat yang lebeh tinggi lagi daripada pegawai² yang lain. Jadi saya berharap-lah pada Kerajaan untuk menengok atau menyiasat atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa sa-takat itu sahaja-lah ucapan saya ini dan di-ucapkan terima kaseh dan saya menyokong-lah Rang Undang² Perbekalan ini.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian Dewan ini kepada Kepala Bekalan

10 ia-itu Perangkaan. Tuan Pengerusi, Perangkaan bagaimana kita sekalian sedia ma'alom, ada-lah merupakan satu asas bagi penentuan yang rational dan hendak-lah sentiasa di-susun bagi kegunaan pelaksanaan sa-suatu ranchangan dan tentang bahagian² dan isi daripada perangkaan itu hendak-lah sentiasa di-kaji dari sa-masa ka-samasa. Pada masa ini keterangan yang kita dapati daripada Jabatan Perangkaan ini telah di-kumpulkan juga oleh Kementerian² yang berkenaan, sa-lain daripada Jabatan Perangkaan ia-itu saperti Kementerian Pertanian yang berhubung dengan tanaman, bagitu juga perhutanan dan juga Jabatan Lombong dan Letrik Negara dan lain² badan, Kementerian Pelajaran, Kesihatan dan sa-bagai-nya. Dan yang kita dapati adalah perangkaan² ini di-terbitkan oleh Jabatan Perangkaan sa-bulan sa-kali dan juga di-dalam bulletin tahunan-nya.

Pendapatan negara dan kira² negara dan juga neracha bayaran yang di-untokkan tiap² tahun dan juga perbelanjaan Kerajaan dibahagi²kan mengikut bahagian² ekonominya tiap² tahun di-dalam Jabatan Perangkaan ini. Tambahan lagi perangkaan² yang di-senaraikan di-dalam bulletin yang di-berikan oleh Jabatan Perangkaan itu bukan semua-nya di-terbitkan, tetapi sa-tengah-nya di-kumpulkan, dan di-sediakan tetapi tidak di-terbitkan. Soal-nya, Tuan Pengerusi, yang timbul di-sini ia-lah bagaimana-kah perangkaan ini boleh dapat disesuaikan dengan sistem perangkaan Malaysia yang di-perlukan dan sa-jauh mana perkembangan dan kemajuan-nya sesuai yang akan di-kehendaki dengan sistem yang sa-umpama itu. Jabatan Perangkaan ini daripada tahun 1958 yang mempunyai hanya 109 orang, sudah mempunyai anggota ia-itu pegawai² dan kakitangan-nya sa-banyak 235 orang dalam tahun yang lain (1971) dan tahun 1972 ini akan menjadi 882 orang. Jadi Jabatan ini dalam masa 14 tahun sampai tahun 1972 ini sudah bagitu pesat kemajuan-nya, perkembangan-nya dan juga mempunyai umpama-nya komputer, letronik yang moden. Ini perkembangan² yang pesat yang menunjukkan dan membuktikan bahawa Kerajaan sangat mengambil berat akan penting-nya perangkaan ini sa-bagai satu asas peranchangan ekonomi dan sosial dan juga bagi mengawal pelaksanaan sa-suatu ranchangan itu. Sunggoh pun bagitu, Tuan

Pengerusi, kemajuan yang begitu pesat di-dalam bukan sahaja tentang tenaga ia-itu daripada 109 orang kepada 882 orang dalam tempoh 14 tahun ini dan mempunyai alat² yang moden, tentu memerlukan perkhidmatan perangkaan yang lebih lagi sesuai dan lebih maju dan efficient dikehendaki daripada Jabatan Perangkaan ini, dan patut-lah dari sa-masa ka-satu masa di-kaji sa-mula. Maksud saya ia-lah berhubung dengan organisasi-nya ia-itu penyusunan Jabatan ini dan juga penyelarasan-nya di-antara Jabatan ini dengan Kementerian² dan Jabatan² yang sendiri-nya mengeluarkan perangkaan² sendiri.

Masa-nya pada hemat saya sudah sampai, ia-itu bagaimana dan chara mana Kerajaan patut menimbang dengan lebih serious lagi tentang penyusunan semula dan mengkaji semula tentang peranan Jabatan Perangkaan ini. Saya mengeshorkan, Tuan Pengerusi, ia-itu Jabatan Perangkaan ini tidak lagi di-serahkan hanya kepada satu orang sahaja yang jadi Ketua Jabatan itu, tetapi hendak-lah di-ketua² atau di-kawal perjalanan-nya oleh satu badan yang nama-kan seperti saya chadangkan seperti lembaga perangkaan pusat umpama-nya yang mengandungi orang² yang mempunyai kuasa pegawai² dan sa-lain daripada pegawai² yang mempunyai minat di-dalam bidang perangkaan ini. Yang sudah tentu memerlukan satu undang² untuk mengubah atau meminda perjalanan dan penyusunan. Jabatan Perangkaan ini, kerana tujuan yang besar saya perchaya daripada Jabatan ini ia-lah untuk mengadakan dan membekalkan perangkaan² dan mendaftar dan menaja pendaftaran dan membuat analisa daripada perangkaan² untuk kegunaan Kerajaan khusus-nya dan juga pehak swasta yang hendak memajukan perusahaan-nya di-dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya menchadangkan supaya di-adakan lembaga perangkaan pusat ini dengan mempunyai tugas² yang di-tentukan. Kalau perlu di-dalam satu undang² atau legislation itu yang di-tentukan oleh mana² Kementerian ia-itu Jabatan Perdana Menteri yang bertanggung-jawab di-atas Jabatan Perangkaan ini.

Satu daripada tujuan dan perkhidmatan yang boleh di-berikan oleh lembaga perangkaan pusat ini umpama-nya ia-lah memberi

keterangan² yang berhubung dengan perancangan ekonomi dan sosial khusus-nya di-dalam sektor yang berkehendakkan dan memerlukan perangkaan. Yang kedua ia-itu melaksanakan atau perlaksanaan perancangan ranchangan dan sosial ekonomi dan juga perkhidmatan awam serta ranchangan² pentadbiran dan juga dalam lapangan umpama-nya yang menentukan atau meng-untokkan Belanjawan dan juga ranchangan kuasa bagi negara kita. Dan sa-lain daripada itu mungkin juga perlu di-dalam bidang ekonomi dan juga sains sosial. Jadi dalam bidang² ini

Tuan Pengerusi: Panjang-kah lagi?

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Sadikit lagi. Saya sampai

Tuan Pengerusi: Ini 2½ jam sudah perkara ini. Pendekkan-lah.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Saya baharu beberapa minit sahaja peluang saya. Ini untuk membaiki, sebab itu pada saya bagaimana saya kata

Tuan Pengerusi: Bukan membaiki, berkenaan dengan wang itu chukup atau tidak. Itu sahaja. Membaiki itu masa lain. Boleh berjumpa dengan Kementerian fasal membaiki atau tidak membaiki.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Saya memandang, Tuan Pengerusi, perangkaan ini bagaimana saya kata ada-lah satu asas—atau asas bagi kebaikan bagi penentuan yang rational, Tuan Pengerusi, yang untuk kegunaan orang yang tahu menggunakan. Orang yang tidak tahu menggunakan perangkaan ini dia kurang memandang berat dalam soal ini. Jadi apa yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi, ia-itu supaya di-adakan sebab mengikut sistem sekarang perangkaan yang bagini penting hanya di-ketua² oleh sa-orang pegawai yang menjadi ketua di-pejabat di-situ. Apa yang saya maksudkan kalau ada satu Lembaga mengawal satu pejabat yang penting seperti ini bagaimana juga ada pejabat yang lain yang ada badan sa-buah badan yang mengandungi daripada orang² yang pakar yang mengetahui yang berminat di-dalam bidang ini, dalam lapangan ini, maka ini sudah tentu akan dapat memberi

khidmat-nya yang lebih lagi kepada negara dan kepada pehak sektor swasta dengan adanya perangkaan ini. Dan saya akan sampai kepada matlamat saya, Tuan Pengerusi, dalam sa-tengah minit sahaja ia-itu sistem yang ada sekarang ini ia-itu memberikan tugas dan tanggung-jawab dasar-nya ia-itu perangkaan terutama kepada negara kita yang daripada berbagai, berbilang masyarakat atau keturunan ini sangat-lah di-perlukan supaya perangkaan itu di-jaga oleh satu badan sa-bagaimana saya katakan tadi, kerana bagaimana saya sebutkan dari mula² ada sa-tengah² daripada bahan atau keterangan perangkaan ini sudah di-kumpulkan dan di-adakan, di-sediakan, tetapi tidak di-terbitkan. Maka di-sini saya sudah mendapat tahu dan bukti bahawa perkara ini boleh di-salahgunakan ia-itu mengetahui satu perangkaan yang tidak di-terbitkan kepada umum, tetapi di-gunakan bahan² ini untuk kegunaan satu² badan atau satu firma atau satu² sharikat swasta yang sudah established umpama-nya. Saya sebutkan ada satu sharikat swasta yang di-namakan Survey Research Malaysia ia-itu satu sharikat yang mendapat—saya ada keterangan, Tuan Pengerusi, ia-itu yang menjadi Managing-Director atau Pengarah Perusahaan-nya ialah ada hubungan dengan yang menjadi Ketua daripada Jabatan ini. Ini satu perkara yang menyalahgunakan umpama-nya apa yang kita ketahui daripada jawatan sa-saorang, tetapi di-berikan information atau keterangan kepada satu pehak swasta, tetapi swasta pehak lain, kampeni sharikat² lain tidak mengetahui. Ini saya pandang sangat berat, Tuan Pengerusi, dengan sebab itu saya menhadangkan supaya Jabatan Perangkaan ini tidak sa-lanjut-nya mempunyai sistem sa-umpama ini ia-itu dasar² perangkaan di-kawal dan di-jaga oleh sa-orang, tetapi di-kawal oleh sa-buah lembaga. Demikian. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi tegoran² terhadap Kepala² yang telah saya kemukakan. Sunggoh pun tegoran² mereka itu agak-nya panjang sedikit dan patut di-beri pada peringkat meshuarat dan bukan Jawatan-kuasa. Saya rasa banyak tegoran² itu ada-lah berguna dan saya akan ambil perhatian atas mana² yang berguna itu.

Pertama sa-kali saya ingin hendak menjawab atas soalan mengenai Jabatan Perangkaan ia-itu pada komen Yang Berhormat dari Muar Dalam. Saya memang-lah sangat mengalu²kan chadangan daripada beliau yang mengatakan patut Kerajaan menubuhkan sa-buah badan untuk mengelolakan pentadbiran, atau pun perjalanan Jabatan Perangkaan kita. Ini memang-lah menjadi hasrat Kerajaan sudah beberapa bulan dan dalam meshuarat ini juga saya telah memberitakan serba sedikit bagaimana tujuan Kerajaan hendak membuat satu badan yang boleh memberi panduan kepada Jabatan Perangkaan supaya chara² Jabatan ini menjalankan kerja mereka akan bersesuaian dengan pergerakan perkembangan ekonomi kita pada masa sekarang ini.

Mengenai soal itu pada tahun ini juga Jabatan Perangkaan akan menjalankan atau pun melancharkan sa-buah rancangan yang di-namakan integrated household budget survey untuk menyelidik dengan lebih dalam lagi bagaimana-kah soal² yang mengenai harga² barang² yang di-makan hari² dapat memberi kesan chorak hidup dalam negeri ini.

Berkenaan dengan tegoran Ahli dari Batu ia-itu tegoran mengatakan bahawa Kerajaan telah lambat sangat hendak memberi laporan daripada census tahun lepas, saya terpaksa memberi tahu beliau bahawa exercise census tahun 1970 itu ada-lah sa-buah exercise yang besar sangat dan tidak dapat kita sediakan laporan dengan serta-merta, kerana exercise itu meliputi lapangan yang sangat luas. Jadi laporan yang terpaksa di-keluarkan beransor² dan kita harap dalam dua tahun daripada sekarang kita dapat mengeluarkan lebih kurang 100 volumes sa-bagai repot daripada exercise census tahun 1970 itu.

Saya tidak dapat, Tuan Pengerusi, untuk menyentuhkan semua tegoran² daripada Ahli² Yang Berhormat, jadi saya chuba hendak menjawab dengan sa-chara umum ia-itu mengenai soal constituencies dan soal pendaftaran pengundi. Pertama sa-kali saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang-lah menggalakkan orang ramai yang berhak supaya mendaftarkan diri di-tiap² kali terbuka buku pendaftaran pengundi dan sa-bagai chara hendak menggalakkan maka publicity yang chukop luas telah pun di-jalankan tiap² masa sa-belum buku pendaftaran itu di-buka untuk di-semak lagi.

Publicity ini menerusi radio, talivishen dan Jabatan Penerangan kita. Saya rasa walau bagaimana pun tegoran daripada Ahli² Yang Berhormat yang menyatakan bahawa Kerajaan tidak mengambil berat tentang soal yang mengundi, mendaftar pada masa penyemakan pendaftaran ini daripada angka yang kita terima nampak-lah bahawa banyak orang ada mengundi kurang lebeh daripada 90% orang yang layak mengundi telah mendaftarkan dan pada masa kita menyemak pendaftaran undi kali yang lepas lebeh daripada 700,000 telah menukar pendaftaran baharu, atau pun menukar alamat pendaftaran-nya.

Ada satu tegoran yang menyatakan Kerajaan ini mungkin akan mengubahkan constituency ini supaya dapat hendak menjaminkan Kerajaan ini terus-menerus memegang kuasa sa-lama²-nya. Saya fikir, Tuan Pengerusi, ini tidak-lah dapat kita buat dan kita tidak mahu membuat-nya. Kita semua tahu bahawa Election Commission itu ada-lah badan yang bebas dan tidak-lah dapat Kerajaan memberi arahan apa² kepada Election Commission itu. Lagi pun tiap² langkah, tiap² keputusan preliminary yang di-ambil oleh Election Commission itu telah pun di-hebah, akan di-hebahkan kepada orang ramai dan orang ramai akan di-beri peluang untuk menegor, ada-kah Election Commission itu di-jalankan dengan memuaskan hati orang² ramai.

Exercise hendak menentukan constituency ini ada-lah exercise yang sangat² di-ta'alokan oleh Jadual 13 dalam Perlembagaan kita dan tidak ada-lah dalam chara kita hendak mengubahkan constituency melompat sana-sini supaya dapat menolong Kerajaan menang tiap² kali, ini tidak mungkin dapat berlaku di-bawah Jadual 13.

Ada beberapa chadangan mengenai chara² hendak mengubahkan chara² menyemak undi, ini saya sudah jawabkan kepada satu daripada soalan² dalam Meshuarat ini juga.

Tentang sebab²-nya perubahan constituency, atau pun menyemak sa-mula constituency kita, saya rasa Ahli² sedia ma'alum ia-itu kerana Mei 13 terpaksa banyak pekerjaan Commission ini di-gantungkan dan mereka baharu sahaja dapat menyambungkan pekerjaan hendak menyemak sa-mula constituency ini.

Saperti saya kata tadi, Tuan Pengerusi, dalam mengubah constituency itu ada atoran yang tertentu dan mesti di-ikuti, jadi chadangan Ahli Yang Berhormat dari Batu untuk mengambil perhatian daripada census tahun 1970 tidak-lah dapat di-terima kerana Jadual 13 tidak akan membiarkan Election Commission berbuat demikian.

Ada juga chadangan yang meminta Kerajaan menghentikan borang² itu di-beri kepada parti², saya sendiri berasa susah sedikit bagi Kerajaan hendak menerima-nya, kerana ini sudah menjadi amalan dalam negeri kita beberapa lama dan menguntongkan bukan sahaja parti Kerajaan, tetapi juga parti² lain dan patut juga parti² menolong dalam soal ini, kerana banyak orang² dalam negeri kita barangkali ada kaitan-nya dengan parti², walau pun tidak menjadi ahli tetap. Walau bagaimana pun, saya fikir kerjasama daripada parti² itu mesti-lah dalam batasan yang tertentu supaya tidak ada peristiwa yang tidak baik akan berlaku.

Juga ada di-nyatakan bahawa ada barangkali orang² yang mendaftar dua kali dan mengundi dua kali. Bagi Kerajaan ada-lah sukar sedikit hendak memberi jawapan yang tegas atas soal ini. Ini bergantung kepada ada atau tidak specific instances-nya dan nasehat saya kepada Ahli Yang Berhormat ia-lah kalau ada orang yang berbuat demikian, maka Kerajaan akan mengambil tindakan sa-benar-nya. Ini ada-lah berlawanan dengan Election Offences Ordinance kita.

Yang kedua, saya ingin hendak berchakap berkenaan dengan soal Tabong Haji. Ada Ahli² Yang Berhormat telah menyatakan bahawa Tabong Haji mengabaikan kepentingan orang² Haji tahun ini. Saya tidak dapat menerima tuduhan itu. Mengikut pandangan am-nya, saya fikir, Tabong Haji telah memberi perkhidmatan yang chukop baik, tetapi soal perkapalan telah menimbulkan banyak masalah dalam tahun ini.

Mengenai soal perkapalan ini, ini saya rasa timbul kerana sebab² yang tidak dapat di-elakkan. Dalam bahasa Ingeris di-katakan teething troubles. Pada masa kapal yang membawa orang² Haji sampai ka-sini adalah kerosakan yang berlaku dalam kapal, kerosakan ini pada masa sekarang ini telah baik dan pada trip mula² memang-lah kapal

yang sudah masuk untuk going for conversion dan dia mempunyai steam engine, kadang² technical troubles mesti berbangkit dan mengenai dengan conversion itu, Tuan Pengerusi, kita telah mendapat jaminan daripada sharikat perkapalan bahawa sharikat itu dapat menjalankan conversion, atau pun perubahan kapal itu, pembaharuan kapal itu untuk orang² Haji sa-belum musim Haji dimulakan, barangkali juga mereka dapat menjalankan jaminan mereka itu, kalau tidak ada berlaku taufan di-Hong Kong yang telah merosakkan, saya fikir lebeh kurang 30 buah kapal. Alham dulillah, kapal kita tidak kena taufan, kalau kena lebeh banyak lagi kerosakan pada hari ini; barangkali orang haji tidak boleh pergi. Perkara ini tidak-lah dapat menjadi sebab² kita marah dan mengatakan Tabong Haji itu tidak menengok kepentingan orang² haji kerana masalah² itu berlaku "inspite of the steps we took". Walau bagaimana pun Tabong Haji akan menyemak semua perkara yang berlaku mengenai pengangkutan orang² Haji kita pada musim ini dan tidak-lah ada kekurangan, kita akan bertanya apa sebab ada kekurangan itu, adakah kerana kesalahan sa-suatu pehak, atau pun kerana perkara yang tidak dapat di-elakkan dan kalau ada perkara itu timbul kerana sa-suatu pehak mengabaikan tugasnya, maka kita akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya.

Dalam Perkhidmatan Tabong Haji yang lain², saya fikir orang² haji ada-lah mendapat perkhidmatan yang agak-nya lebeh baik daripada masa² yang lepas.

Mengenai harta² Tabong Haji, di-sini saya ingin menegaskan bahawa tidak ada wang² orang haji itu di-gunakan dengan sebarang. Sa-benar-nya untuk menggunakan wang² yang di-simpan di-dalam Tabong Haji itu satu keputusan yang berasaskan kepada shor² daripada Investment Penal mesti-lah dijalankan dengan sa-baik²-nya dan Investment Penal ini ada-lah terdiri daripada orang² yang benar² bertanggung-jawab, mithal-nya bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan kita, Gabenor Bank Negara, ada-lah dua daripada orang² yang menjadi ahli² penal ini. Kita tahu daripada amalan yang lepas bahawa keputusan hendak menggunakan wang² Tabong Haji itu ada-lah di-ambil dengan chukop² teliti-nya. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan menolong saya menyebarkan berita kepada orang² kampung

bahawa wang mereka bukan sahaja selamat, tetapi akan mendapat faedah yang sa-baik²-nya.

Ada banyak tegoran² mengenai Parlimen, Dato' Pengerusi, saya fikir ta' payah bagi saya hendak menjawabkan satu persatu-nya. Saya fikir Setiausaha Parlimen kita akan mengambil perhatian ka-atas-nya. Ada dua perkara barangkali tidak dapat di-ambil keputusan oleh Setiausaha Parlimen, kerana berkaitan dengan Peratoran Majlis ini, mithal-nya soal do'a itu tidak-lah dapat ditukarkan, melainkan menerusi keputusan Standing Orders Committee dan ada satu lagi perkara mengenai kemudahan² elok-lah di-bangkitkan di-dalam, House Committee.

Mengenai Majlis Ugama Islam Kebangsaan, maka saya dapati banyak-lah tegoran² yang berasaskan kepada anggapan yang sangat luas peranan-nya Majlis Ugama Islam Kebangsaan ini. Sa-benar-nya Majlis Ugama Islam Kebangsaan ini baharu di-tubuhkan dan tidak mempunyai kuasa² seperti yang di-sangkakan oleh Ahli² Yang Berhormat. Ahli² Yang Berhormat tahu daripada Perlembagaan kita bahawa kuasa² mengenai ugama Islam ada-lah terletak di-dalam tangan Raja² kita dan Majlis Ugama Islam Kebangsaan ini tidak-lah akan menyentuh apa² perkara mengenai ugama Islam, melainkan yang sudah di-persetujukan di-dalam Meshuarat Kebangsaan yang di-setujukan oleh Negeri² masing². Jadi, soal seperti gaji² guru² ugama di-peringkat Negeri tidak-lah dapat saya jawabkan kerana perkara ini di-bawah kuasa Negeri masing².

Mengenai pakar² Islam untuk membantu majlis ini, saya memang-lah sangat bersetuju bahawa kita patut ambil pakar² yang akan berguna kepada kita untuk berkhidmat di-Masjid Negara atau pun di-Majlis Ugama Islam Kebangsaan kita dan sa-benar-nya sekarang ini kita telah mendapat sa-orang pakar daripada Mesir dan sa-orang pakar daripada Indonesia bekerja dalam majlis ini.

Satu perkara sahaja lagi yang saya ingin menjawabkan, Dato' Pengerusi, ia-itu mengenai pilihan murid² yang meminta biasiswa. Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menudoh Kerajaan memilih sa-saorang untuk di-beri biasiswa itu sa-mata² atas connection-nya itu, atau pun hubungan-nya dengan VIPs. Tudohan ini tidak benar, Dato' Pengerusi. Kita tahu perkara ini telah di-jalankan bertahun² mengikut tradition of

impartial decision of the Public Services Commission dan sekarang menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam. Sa-benar-nya chadangan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu, ia-itu untuk menubuhkan dua senarai, satu senarai bagi bumiputra dan satu senarai bukan bumiputra telah pun di-jalankan oleh Kerajaan sa-belum beliau berchadang dan saya rasa beliau patut-lah di-beritahu bahawa soal atas memilih orang² untuk di-beri biasiswa, soal merit mesti-lah menjadi timbangan yang sangat berat.

Itu-lah sahaja, Dato' Pengerusi, yang lain, saya hanya ambil perhatian, kerana saya tidak mahu memanjangkan ucapan saya. Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$4,454,673 untok Kepala B. 1; \$132,341 untok Kepala B. 2; \$4,000,000 untok Kepala B. 3; \$873,680 untok Kepala B. 4; \$1,253,968 untok Kepala B. 5; \$104,725 untok Kepala B. 6; \$16,431,000 untok Kepala B. 7; \$19,994,572 untok Kepala B. 8; \$7,223,232 untok Kepala B. 9; \$8,883,389 untok Kepala B. 10; \$236,590 untok Kepala B. 11, dan \$363,300 untok Kepala B. 12 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

PENANGGOHAN

Usul

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya meshuarat ini ditangguhkan sekarang.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

Penjaja² Munisipal Kuala Lumpur—Masaalah

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka) (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, for the last three years, the hawkers and petty traders in the Kuala Lumpur Municipality have been harassed and hounded by the Municipal authorities, in particular the green-uniformed Enforcement Squad. Recently, these anti-hawker activities were intensified, presumably because of the forthcoming PATA

Conference, so that the PATA delegates will get the impression that in Kuala Lumpur everyone is well-to-do and gainfully employed. This is deception to say the least. It is just like what we see in Jalan Bungsar now, where the authorities concerned have put up a wooden wall to hide from the sight of PATA delegates the ghastly sight of the squalid quarters of the Jalan Bungsar railway workers. The thing to do would have been to demolish all the ugly, squalid quarters of the railway employees to give them decent, humanly fit dwellings. Instead, the authorities concerned have decided to deceive the PATA delegates instead, and let the railway employees continue in their squalid quarters.

Similarly, the hawkers problem should not be treated in the same manner and even more important it should not be treated as a criminal problem, but as a socio-economic, human problem. The way to solve it is not by hounding the hawkers and petty traders, but by meeting their socio-economic demands for a means of livelihood. At the rate the Enforcement Squad is going about their work, it would appear that it is a crime to be a hawker. The hawkers regardless of whether men or women, are manhandled, their wares smashed. No wonder they are regarded as Municipal robbers.

Mr Speaker, Sir, nobody loves to be a hawker and be hounded by the Enforcement Squad. But circumstances of making a living, of supporting their family, force the people to hawk, and this deep socio-economic problem must be given just and sympathetic consideration by the authorities concerned. When you have so much unemployment in Kuala Lumpur and in the country, hawking is one of the ways to try to eke out a living. It is heartless, inhuman and unconscionable to persecute the hawkers. I therefore call on the Government, for a start, to give their problem the socio-economic attention it deserves, to dismantle, to abolish the Enforcement Squad, because of the notorious reputation it has built up for itself.

Secondly, the Government should get down to solve this problem, not as a criminal problem, but as a socio-economic problem and stop hounding and persecuting the hawkers as if they are no better than animals.

Thirdly, in view of the forthcoming Hari Raya Haji and Chinese New Year festivities, I call on the Minister concerned to let the hawkers ply their wares without Municipal interference, so that they can eke out a living in these difficult times. Thank you.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Saya minta izin berchakap dalam Bahasa Inggeris supaya dapat menjawab ucapan dari Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka.

(Dengan izin): Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Bandar Melaka is harping on a subject which is no longer a popular or important issue in Kuala Lumpur today. He is, if I may say so, singing a song which might have been a hit in the year 1969. Singing it in this House in early 1972 it sounds out of tune with events, and like a broken record running on the same groove.

It is true that when I took over the Ministry of Local Government towards the end of 1970 there were complaints on the harassment of hawkers or petty traders, as I prefer to call them. These complaints were looked into by my Ministry. To be fair to the Commissioner of the Federal Capital, it must be stated that the Enforcement Squad were only carrying out their duties in ensuring that certain regulations are complied with. Many of these petty traders were operating without a licence, or else, if they were licensed, were trading in areas or along streets on which they were specifically forbidden in their licence from plying their trade in the interest of public safety, because they would be interfering with the flow of traffic.

I must also add that although general reports have been made of rough treatment of hawkers by the Enforcement Squad—and some of these may have some basis—no specific cases have been reported to enable disciplinary action to be taken. It must also be pointed out that some of these incidents stem from the fact that these traders were trading without any licence and they generally panic whenever the Enforcement Squad arrives, and in their confusion and fear of being arrested, they run and scatter and cause their goods, stalls, push carts, and tricycles to be overturned and damaged. In certain cases they even cause injuries to themselves by falling when trying to run

away. Occasionally, when they knew their goods would be confiscated, they chuck them away at random, and unfortunately, this is usually followed by abusive language.

However, Government is aware of the problem of the petty traders—that it is a socio-economic problem. They have never been regarded or treated as criminals. It is because of this awareness and our sympathy with them that a more liberal policy towards the petty traders was initiated at the end of 1970 and most of these problems have now been resolved. The Commissioner of the Federal Capital has licensed practically all the illegal petty traders and allotted to them areas in which they can ply their trade in peace. Certain streets in the Federal Capital have been closed to vehicular traffic at night to enable these petty traders to do their business. There were only 3,845 licensed petty traders comprising 1,159 hawkers and 2,686 street stall holders at the end of 1969. By the end of 1970, the number of licensed petty traders increased to 6,521 of which 1,137 were hawkers and 5,384 stall holders. There are by the end of 1971, 8,297 petty traders comprising 1,003 hawkers and 7,294 stall holders. These figures speak for themselves.

The Commissioner of the Federal Capital now has an *ad hoc* Advisory Committee on Hawkers, and the Honourable Member for Bandar Melaka should know that their problems are well looked after as this Committee includes one of his colleagues, as well as another Member of the Opposition in this House—from what he said there seems to be a lack of dialogue between him and his colleague. Therefore, the Honourable Member should know how much consideration is given by the Commissioner of the Federal Capital to the hawker problem.

I can assure the Honourable Member that Government sympathise with the lot of the petty traders, and we will give them every consideration as long as they co-operate with the Federal Capital Commissioner and as long as their interests do not conflict with the public interest.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tangguhkan pada pukul 6.40 petang.